

**KEGIATAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH MEMBANTU MEMBINA DAYA
KEPIMPINAN DI KALANGAN PELAJAR MENENGAH ATAS
KOLEJ SULTAN ABDUL HAMID.**

**Tesis diserahkan kepada Sekolah Siswazah
untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)**

MASHITAH BT. HAJI GHAZALI

**SEKOLAH SISWAZAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
1995**

KEBENARAN MENGGUNA

Tesis ini adalah sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengajian lepasan ijazah Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju supaya pihak perpustakaan UUM menggunakan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan, keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk perolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu pengiktirafan kepada saya dan UUM seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau lain kegunaan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian boleh dibuat dengan menulis kepada:

Dekan
Sekolah Siswazah
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman.

ABSTRACT

In various instances, the researcher found that many people were interested in the importance of co-curricular activities in educational process. However **not** many individual showed genuine interest in the field. Therefore the purpose of the study was to show evidence of contribution obtained from co-curricular activities especially in developing students' leadership.

Research Objective : Three specific objectives were; (1) to find the difference in the degree of involvement among the upper secondary students of Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah Darul Aman in co-curricular activities; (2) to find the difference in students' leadership. and (3) **to analyse** the correlation between the degree of involvement in co-curricular activities and students' leadership.

Research Methods : 200 respondents were chosen. They were earlier identified as very active group (100 students) and active group (100 students). They were asked to answer questionnaires regarding students' personal particulars and attitudes towards co-curriculum; the degree of involvement in co-curriculum and students' leadership style. Hypotheses were tested using the t -test and Pearson Correlation Coefficient Models.

Results : The test showed that there were differences in the students' involvement and leadership style between the very active and the active group. There was a positive correlation between the degree of involvement and leadership style. The finding rejected null hypotheses and accepted alternative hypotheses. Hence, the involvement of very active students in co-curricular activities can enhance and develop their leadership styles.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan rahmat serta izin-Nya jua maka dapat saya menyempurnakan penulisan ilmiah ini. Penulisan ini merupakan satu projek untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan) Program Berkembar Universiti Utara Malaysia dengan Institut Aminuddin Baki.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Abdurrahman Zuhair b. Sheikh Mohmood dan Encik Ibrahim b. Ahmad selaku penyelia kajian ilmiah ini di atas tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan kepada saya sehingga terhasilnya penulisan ini.

Penghargaan dan terima kasih juga saya hulurkan kepada Encik Ashaari b. Kusnan yang telah membimbing saya dalam penganalisan data-data dengan kaedah statistik, Baba, Kakak dan Adik yang selalu memberi sokongan dan dorongan serta rakan-rakan seperjuangan di UUM.

Tidak ketinggalan juga penghargaan ditujukan kepada pihak pentadbir Kolej Sultan Abdul Hamid, guru-guru serta pelajar-pelajar yang menjadi responden yang juga terlibat secara langsung dalam kajian ini.

Semoga segala tunjuk ajar dan bimbingan serta bantuan secara langsung dan tidak langsung daripada anda semua mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Terima kasih.

MASHITAH BT. HAJI GHAZALI

KANDUNGAN

HALAMAN

KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	6
1.3 Tujuan Kajian	9
1.4 Soalan-Soalan Penyelidikan	10
1.5 Hipotesis	11
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Kerangka_Kajian	17
1.8 Definisi Operasional	19
1.9 Batasan Kajian	21

BAB 11 : TINJAUAN TERHADAP KARYA YANG BERKAITAN

2.1	Pendahuluan	25
2.2	Tentang Kokurikulum	25
2.3	Tentang Kepimpinan	32
2.4	Sorotan Kepada Kajian-Kajian yang Berkaitan	40

BAB 111 : KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan	51
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	51
3.3	Pemilihan Sampel	52
3.4	Instrumen Kajian	55
3.5	Kajian Rintis	57
3.6	Pembolehkan Kajian	59
3.7	Tatacara Pengumpulan Data	59
3.8	Tatacara Penganalisan Data	60

BAB IV : DAPATAN DAN HASIL KAJIAN

4.1	Pendahuluan	64
4.2	Maklumat Diskriptif	65
4.3	Maklumat Infrensi: Skor Min	78
4.4	Maklumat Infrensi: Pengujian Hipotesis	84

BAB V : IMPLIKASI KAJIAN, KESIMPULAN, CADANGAN DAN

PENUTUP

5.1	Pendahuluan	91
5.2	Implikasi Kajian	91
5.3	Kesimpulan	93
5.4	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	98
5.5	Penutup	104

BIBLIOGRAFI

106

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	HALAMAN
1.1 Item-item Tentang Daya Kepimpinan (Pembolehkan Bersandar) Berdasarkan Soal Selidik.	18
1.2 Item-item Tentang Tahap Penglibatan Dalam Kokurikulum (Pembolehkan Bebas) Berdasarkan Soal Selidik.	18
3.1 Pecahan Jumlah Pelajar Tingkatan 4.	53
3.2 Pecahan Jumlah Pelajar Tingkatan 6 Rendah.	53
3.3 Pecahan Jumlah Sampel Mengikut Tingkatan.	54
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina.	65
4.2 Taburan Responden Mengikut Bangsa.	66
4.3 Taburan Responden Pernah Tinggal Di Asrama.	66
4.4 Taburan Responden Pernah Menghadiri Kursus.	67
4.5 Taburan Responden Mengikut Jumlah Persatuan Yang Dianggotai.	68
4.6 Taburan Responden Mengikut Jumlah Pasukan Seragam Yang Dianggotai.	69
4.7 Taburan Responden Mengikut Jumlah Kegiatan Sukan yang Dianggotai.	70
4.8 Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Aktif Mengikut Jantina.	71
4.9 Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Aktif Mengikut Bangsa.	72

4.10	Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Aktif Mengikuti Pengalaman Tinggal Di Asrama.	73
4.11	Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Aktif Mengikuti Pengalaman Menghadiri Kursus.	74
4.12	Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Aktif Mengikuti Jumlah Persatuan Dianggotai.	75
4.13	Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Aktif Mengikuti Jumlah Pasukan Seragam yang Dianggotai.	76
4.14	Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Aktif Mengikuti Jumlah Penglibatan Dalam Kegiatan Sukan.	77
4.15	Taburan Skor Min Bagi Pembolehubah.	78
4.16	Kekerapan Skor Min Tahap Penglibatan Dalam Kokurikulum (Pembolehubah Bebas) Bagi Keseluruhan Sampel.	79
4.17	Kekerapan Skor Min Daya Kepimpinan (Pembolehubah Bersandar) Keseluruhan Sampel.	80
4.18	Kekerapan Skor Min Tahap Penglibatan Dalam Kokurikulum Kumpulan Sangat Aktif.	81
4.19	Kekerapan Skor Min Tahap Penglibatan Dalam Kokurikulum Kumpulan Aktif.	82
4.20	Kekerapan Skor Min Bagi Daya Kepimpinan (Pembolehubah Bersandar) Kumpulan Sangat Aktif.	83
4.21	Kekerapan Skor Min Bagi Daya Kepimpinan (Pembolehubah Bersandar) Kumpulan Aktif.	84
4.22	Keputusan Ujian - t Bagi Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum (Pembolehubah Bebas)	85

4.23	Keputusan Ujian - t Bagi Daya Kepimpinan Pelajar (Pembolehubah Bebas).	86
4.24	Keputusan Ujian Koeffisyen Korelasi Hasil Darab Momen Pearson Antara Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum Dengan Daya Kepimpinan Pelajar.	88

SENARAI RAJAH

1.1	Hubungan yang Wujud Di Antara Pembolehubah Bebas dan Pembolehubah Bersandar	17
-----	---	----

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pembentukan dan penyediaan pelajar-pelajar dengan pengalaman-pengalaman yang wajib dalam proses membina sahsiah seimbang merupakan salah satu fungsi sekolah. Pemelajaran di sekolah berteraskan dasar pelajaran atau dikenali dengan Dasar Pendidikan Negara (DPN). DPN mempunyai tiga matlamat penting iaitu:

- i) Mencapai perpaduan negara.
- ii) Menyediakan tenaga rakyat.
- iii) Melahirkan individu-individu berdisiplin.

Dalam laporan Jawatankuasa Pelajaran (1956), objektif utama polisi pendidikan Malaysia adalah untuk mengumpulkan semua pelajar dari pelbagai kaum di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan dengan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama.

Dalam pengisytiharan Rukun Negara oleh Yang Di-Pertuan Agong dalam tahun 1971, Menteri Pelajaran pada ketika itu telah menggariskan beberapa objektif bagi pendidikan di Malaysia. Di antara lainnya, pendidikan di negara ini mempunyai tujuan:

- i) Memupuk pergaulan yang lebih berkesan di kalangan rakyat.
- ii) Membina personaliti yang seimbang pada setiap individu dengan menyediakan peluang bagi pertumbuhan nilai-nilai estetik, emosi, fizikal dan intelek yang maksimum.

Mohamed Nor,(1982: 135-137)., menyatakan objektif pendidikan sekolah rendah pula dirancang melalui pembentukan kurikulum sekolah rendah untuk memenuhi perkembangan aspek-aspek berikut kepada murid:

- i) Kemahiran-kemahiran asas dalam komunikasi.
- ii) Nilai-nilai sivik, iaitu sikap bertanggungjawab dan bekerjasama.
- iii) Perkembangan fizikal, intelek dan emosi.
- iv) Moral, estetik dan nilai-nilai rohani.
- v) Pengetahuan, sikap dan kemahiran saintifik.

Jee (1988:2), menyatakan di antara objektif-objektif dan matlamat-matlamat pendidikan di Malaysia yang cuba dititikberatkan termasuklah perkembangan personaliti murid meliputi moral, sikap dan emosi. Personaliti murid yang

baik ini merupakan personaliti yang diperlukan dalam diri setiap pemimpin yang cuba dilahirkan melalui pendidikan di sekolah.

Kurikulum sekolah yang berhasrat memenuhi keperluan-keperluan fikiran atau akal, fizikal dan sosial murid boleh pula dikelaskan kepada dua kategori yang luas:

- i) Aspek pengajaran dan pembelajaran formal yang melibatkan sukatan dan kandungan matapelajaran.
- ii) Aktiviti kokurikulum sebagai lanjutan dari yang di atas, seperti sukan dan permainan, unit-unit beruniform, persatuan-persatuan matapelajaran, kelab dan lain-lain.

Aktiviti-aktiviti yang disediakan dalam sistem pendidikan dibentuk untuk:

- i) Menggalakkan perkembangan fizikal dan rohani murid.
- ii) Memupuk kerjasama di kalangan murid-murid pelbagai bangsa dan kebudayaan.

Menurut Abu Bakar (1991), melalui aktiviti kokurikulum, murid-murid berpeluang mendisiplinkan diri semasa proses mengaplikasikan kemahiran dan memperkembangkan bakat. Sebagai satu konsep pembelajaran yang

global kita seharusnya meletakkan yang hak ke atas perkara terpenting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kita perlu menerima hakikat akan pentingnya kurikulum dan kokurikulum itu diberikan perhatian yang tidak berat sebelah. Kegiatan kokurikulum tidak boleh lagi dianggap sebagai ekstra kurikulum kerana ia bukan lagi aktiviti tambahan malahan ia adalah sebahagian daripada kurikulum yang lengkap dalam proses membina anak didik yang sempurna, seterusnya membentuk warganegara bersahsiah mulia.

Warganegara yang bersahsiah mulia inilah yang diharapkan untuk menjadi pemimpin berkaliber pada masa depan. Masyarakat telah sedar akan hakikat ini namun yang menjadi tandatanya adalah sejauhmanakah kesedaran ini timbul di benak anak-anak yang dididik itu. Ini adalah persoalan rumit yang perlu dileraikan segera untuk mencapai hasrat kita semua bagi melihat satu persembahan kepimpinan yang lebih baik daripada apa yang berjaya ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin hari ini.

Mohd Nordin Hj. Mohd Nasir (1986), menyatakan daya tahan masyarakat untuk menghadapi risiko kehidupan pada masa akan datang bergantung kepada persediaan yang telah dibuat untuk menyediakan generasinya

masakini. Kesilapan yang dilakukan oleh generasi sekarang akan dirasai kesannya pada zaman akan datang. Krisis kepimpinan akan menghantui masyarakat kita jika nilai-nilai kepimpinan yang perlu ditanam ke dalam diri anak-anak pelajar pada masa ini diabaikan.

Secara umumnya kita menyedari, perasaan dan sikap bertanggungjawab dalam diri seseorang tidak wujud secara semulajadi atau tersendiri. Pihak yang berwajib telah mengambil inisiatif untuk menyemai dan menyuburkan sikap tersebut di peringkat paling awal yang mungkin. Zaman persekolahan adalah masa yang paling sesuai untuk mula mengasuh dan mendidik pelajar-pelajar supaya bersikap mulia dan bertanggungjawab.

Shahril dan Khathijah (1992), menyatakan pelajar yang sering berpeluang untuk melatih diri dalam gerakkerja kokurikulum berpeluang besar memiliki sifat-sifat positif. Ini berjaya dilakukan melalui latihan-latihan berterusan yang dihadapi dari semasa ke semasa. Tanpa latihan secara langsung ini, daya kepimpinan tidak dapat disemai, apatah lagi untuk disuburkan secara paling berkesan.

Menurut Mohd Nordin Hj. Mohd Nasir (1986), kepentingan daya kepimpinan yang tumbuh dalam diri pelajar akan mempengaruhi tahap inisiatif pembelajaran mereka. Rasa tanggungjawab kepada diri sendiri, kecintaan kepada sekolah dan rasa hormat kepada guru, rakan serta kakitangan sekolah juga dipengaruhi oleh kesedaran yang ada pada mereka. Dengan menyertai kegiatan kokurikulum segala sikap ini akan dapat disemai, disuburkan dan dibentuk. Hakikatnya, kini jelas kepada kita bahawa kedua-dua bidang akademik dan kegiatan kokurikulum adalah saling membantu. Melalui aktiviti yang terancang, pelajar-pelajar akan celik akal dan berupaya mengaitkan hubungan secara langsung antara pencapaian akademik dengan penglibatan yang aktif dalam kegiatan kokurikulum. Kaum guru berperanan memberi pengalaman kepada pelajar-pelajar mengenai sifat-sifat dan sikap yang harus ada pada mereka yang nantinya akan membentuk individu yang dapat bertolak ansur, bekerjasama di dalam suasana intelek dan dinamis.

1.2 **PERNYATAAN MASALAH**

Pembentukan insan seimbang dan cemerlang dalam kehidupan bergantung kepada didikan yang diberikan kepada seseorang. Umum menerima hakikat bahawa generasi hari ini merupakan pemimpin masa depan. Apa yang menarik untuk kita ketahui daripada kata-kata ini ialah sejauhmanakah

anak-anak muda hari ini bersedia dan berupaya menerima mandat ini. Selain itu kita juga ingin mendapatkan maklumat sejauhmanakah anak-anak muda hari ini sedar akan tiba masanya nanti mereka "terpaksa" menjadi pemimpin dan perlu meneruskan tanggungjawab kepada masyarakat.

Che Wan Mohd Amil bin Che Wan Sulaiman (1991), menyatakan di negara kita kesedaran terhadap betapa pentingnya menyediakan anak-anak muda supaya mempunyai sikap bertanggungjawab telah lama wujud dan di-realisasikan dengan usaha-usaha di pelbagai peringkat termasuk sekolah, institusi pengajian tinggi dan di kalangan belia-belia yang telah menamatkan persekolahan. Walaupun begitu usaha ini terhalang dengan kurangnya penglibatan secara aktif dari kalangan pelajar kerana terpengaruh dengan pendapat yang menganggap bahawa penyertaan dalam kegiatan kokurikulum tidak mendatangkan apa-apa faedah. Inilah halangan dan masalah yang perlu dilihat secara lebih ilmiah kerana implikasinya amat merugikan.

Menurutnya lagi, daya kepimpinan yang tinggi merangkumi beberapa sifat positif supaya individu mampu menghadapi apa jua masalah serta berupaya membuat keputusan dalam apa jua situasi. Sifat-sifat ini tidak lahir secara semulajadi dalam diri seseorang tetapi sebaliknya ia boleh diperolehi melalui latihan-latihan yang berterusan.

Pelajar yang sering mendapat peluang untuk berlatih melalui gerakkerja kokurikulum dipercayai lebih tinggi berpeluang untuk memiliki sifat-sifat kepimpinan yang positif. Melalui latihan-latihan yang berterusan semasa melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum, sifat-sifat tersebut akan terbentuk dalam diri seseorang.

Hendry dalam Che Wan Mohd Amil (1991), mendapati dari kajiannya di negara Britain bahawa pelajar-pelajar yang kurang kemahiran adakalanya tidak diurus dengan baik. Ini menjadi sebab bermulanya penolakan kegiatan kokurikulum sebagai satu alat yang berkesan untuk menyemai ciri-ciri kepimpinan asas dalam jiwa pelajar.

Asiah Abu Samah (1985), mendapati ada pihak menyuarakan kebimbangan mereka tentang keadaan sebenar yang berlaku di sekolah. Terdapat guru-guru yang gagal mengendalikan kegiatan kokurikulum ke arah mencapai matlamat dan tujuan sebenarnya.

Pihak Kementerian Pendidikan dan pihak pentadbir sekolah menyedari hakikat tersebut dan sentiasa memberi perhatian berat terhadap perjalanan kegiatan kokurikulum di semua sekolah. Sedaya mungkin, jalan keluar terbaik cuba dicari bagi memperbaiki keadaan ini. Apa yang lebih

dipentingkan adalah kaedah penyelesaian dan perbahasan bagi mengelak masing-masing menunding jari untuk menyalahkan sesama sendiri.

Pengkaji berkeyakinan bahawa penglibatan yang aktif dalam kegiatan kokurikulum berupaya membina, memupuk dan menyemai daya kepimpinan pelajar. Oleh itu, untuk membuktikan terdapat kaitan di antara penglibatan yang aktif dalam kegiatan kokurikulum dengan pembentukan daya kepimpinan yang berkesan terhadap pelajar-pelajar peringkat menengah atas, saya memilih Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah Darul Aman untuk membuat satu tinjauan yang khusus mengenainya.

1.3 TUJUAN KAJIAN

Berdasarkan hakikat bahawa kajian ini adalah untuk mengkaji situasi sebenar mengenai tanggapan, penglibatan, kefahaman dan harapan pelajar-pelajar terhadap kegiatan kokurikulum di sekolah dan sejauhmanakah kegiatan ini dapat pula membina daya kepimpinan di kalangan pelajar menengah atas bagi Kolej Sultan Abdul Hamid, secara khususnya, penyelidikan ini cuba untuk memberikan tumpuan kepada pemasalahan berikut:

- a) Sejauhmana pelajar-pelajar melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum di sekolah ini. Pengkaji ingin mendapatkan maklumat tentang status penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sama ada sangat aktif, aktif atau tidak aktif.
- b) Mengenalpasti tahap daya kepimpinan di kalangan pelajar-pelajar tersebut.
- c) Mendapatkan bentuk hubungan yang wujud di antara penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dengan daya kepimpinan yang dimiliki. Pengkaji akan cuba mencari nilai hubungan di antara penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dengan daya kepimpinan di kalangan pelajar-pelajar yang dijadikan sampel.

1.4 SOALAN-SOALAN PENYELIDIKAN

Pengkaji berpendapat, walaupun ramai pelajar yang mengakui kepentingan kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah, namun hakikat sebenarnya ialah kurangnya penegasan yang sewajarnya dalam mengimbangi kepentingan kegiatan kokurikulum dengan kepentingan kegiatan akademik.

Perkara utama yang dikaji ialah mengukur sejauhmana penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum berkesan membina daya kepimpinan di kalangan pelajar. Dalam kajian ini, pengkaji mempunyai tiga permasalahan utama yang ingin diperjelaskan. Permasalahan-permasalahan ini diterjemahkan dalam bentuk soalan-soalan seperti berikut:

- i) Sejauhmanakah pelajar melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum.
- ii) Bagaimanakah sifat kepimpinan yang terdapat pada pelajar-pelajar yang terlibat dalam kegiatan kokurikulum ini.
- iii) Apakah bentuk hubungan di antara tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dengan daya kepimpinan pelajar tersebut.

1.5 **HIPOTESIS**

Berdasarkan huraian di atas, pengkaji membuat hipotesis iaitu:

1.5.1 **Hipotesis Null**

- 1.5.1.1 Tidak terdapat perbezaan dalam tahap penglibatan aktiviti kokurikulum di antara pelajar kumpulan sangat aktif dengan pelajar kumpulan aktif.

1.5.1.2 Tidak terdapat perbezaan dalam daya kepimpinan di antara pelajar kumpulan sangat aktif dan pelajar kumpulan aktif.

1.5.1.3 Tiada perhubungan yang signifikan di antara tahap penglibatan dalam kegiatan kokurikulum dengan daya kepimpinan pelajar.

1.5.2 **Hipotesis Alternatif**

1.5.2.1 Ada perbezaan dalam tahap penglibatan aktiviti kokurikulum di antara pelajar kumpulan sangat aktif dan pelajar kumpulan aktif.

1.5.2.2 Ada perbezaan dalam tahap daya kepimpinan di antara pelajar kumpulan sangat aktif dan pelajar kumpulan aktif.

1.5.2.3 Ada perhubungan yang signifikan di antara tahap penglibatan dalam kegiatan kokurikulum dengan daya kepimpinan pelajar.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana mengandungi maklumat (data) yang didapati daripada murid. Maklumat ini memberikan pandangan sebenar mereka terhadap kegiatan kokurikulum yang dijalankan di sekolah ini. Maklumat ini merupakan alat yang berguna bagi ahli perancang pendidikan untuk mengwujudkan panduan berdasarkan kenyataan dan tidak lagi bertindak melalui andaian yang tidak berasas.

Pengkaji berpendapat bahawa kurikulum sekolah pada masa kini terlalu memberi penekanan kepada pelajaran akademik. Oleh itu, pengkaji merasakan bertanggungjawab untuk menyedarkan pelajar, guru dan ibu bapa tentang pentingnya keseimbangan diwujudkan di antara pelajaran akademik dengan kegiatan kokurikulum.

Pengkaji berpendapat kajian tentang penglibatan para pelajar dalam kegiatan kokurikulum dan mengaitkannya dengan daya kepimpinan pelajar di peringkat sekolah amat kurang dititikberatkan di negara ini. Situasi inilah yang mendorong pengkaji untuk mengetahui keadaan yang sebenar dengan membuat kajian di sekolah ini. Maklumat yang akan diterima daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan satu senario sebenar kepada

ibu bapa dan orang ramai tentang kesan kegiatan luar bilik darjah ke atas daya kepimpinan pelajar-pelajar tersebut.

Sekolah ini dipilih sebagai tempat pengumpulan sampel berdasarkan kriteria-kriteria yang sesuai dan bertepatan dengan maklumat kajian. Sekolah ini sejak dahulu lagi telah terkenal sebagai sekolah yang berjaya melahirkan pemimpin-pemimpin terkemuka di tanahair. Keterampilan sekolah ini dari aspek kegiatan kokurikulum di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan sejak sekian lama adalah terbukti dan diketahui umum.

Walaupun kajian ini merupakan satu kajian kes, namun keadaan-keadaan 'istimewa' iklim sekolah ini boleh membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang relevan dan sesuai untuk dikaji. Pemilihan berdasarkan kesesuaian ini penulis bincangkan dengan lebih terperinci di bahagian Batasan Kajian. Selain daripada kepentingan-kepentingan umum yang dinyatakan di atas, pengkaji juga melihat pentingnya kajian ini secara khusus dan diharapkan dapat dijadikan panduan dan kesedaran kepada golongan-golongan berikut:

- 1.6.1 Pihak pentadbir Kolej Sultan Abdul Hamid, termasuk Pengetua, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar dan Penyelaras Kokurikulum

sekolah dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum kepada pelajar-pelajar.


- 1.6.2 Guru Bimbingan dan Kaunseling bagi menghadapi sikap pelajar-pelajar sekolah tersebut terhadap kegiatan atau penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum.
- 1.6.3 Guru-Guru Penasihat kokurikulum untuk merancang atau melaksanakan kegiatan kokurikulum berlandaskan objektif dan matlamat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.
- 1.6.4 Ibu bapa atau penjaga akan pentingnya kegiatan kokurikulum kepada pelajar-pelajar. Adalah diharapkan ibu bapa akan memberikan kerjasama bagi membenarkan anak-anak mereka untuk menyertai kegiatan kokurikulum sekolah, khususnya di waktu petang.
- 1.6.5 Pelajar-pelajar tentang kepentingan menceburi kegiatan kokurikulum secara aktif. Penglibatan mereka ini akan dapat mempertingkatkan lagi pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

1.6.6 Masyarakat setempat supaya memandang positif terhadap kegiatan kokurikulum yang dijalankan di sekolah-sekolah dalam kawasan mereka. Dengan itu orang ramai boleh memberikan galakan kepada pelajar-pelajar tempatan supaya menyertai kegiatan kokurikulum secara aktif.

1.6.7 Para penulis atau pengkaji seterusnya untuk membuat kajian selanjutnya berhubung dengan tajuk ini.

1.7 KERANGKA KAJIAN

Rajah 1.1 : Hubungan yang Wujud Di Antara Pembolehubah Bebas dan Pembolehubah Bersandar.



Jadual 1.1 : Item-item Tentang Daya Kepimpinan (Pembolehubah Bersandar) Berdasarkan Soal Selidik (Lampiran A)

Daya Kepimpinan	Nombor Item
Yakin diri	Bhg. D - 21, 22, 23, 25
Kepuasan menjalankan tugas	Bhg. D - 24, 26, 27, 28, 31, 33.
Keupayaan menangani masalah.	Bhg. D - 29, 30, 36
Keupayaan membuat keputusan	Bhg. D - 35, 37, 38, 39, 40
Perasaan tanggungjawab terhadap tugas yang dipikul	Bhg. D - 32, 34

Jadual 1.2 : Item-item Tentang Tahap Penglibatan Dalam Kokurikulum (Pembolehubah Bebas) Berdasarkan Soal Selidik (Lampiran A)

Tahap Penglibatan dalam Kokurikulum	Nombor Item
Latarbelakang pelajar	Bhg. A - item 1 hingga 12
Sikap terhadap kokurikulum.	Bhg. B - sikap positif (1 hingga 7) - sikap negatif (8 hingga 20)
Sikap terhadap tanggungjawab dalam persatuan.	Bhg. C - 14, 16, 18
Jumlah masa melibatkan diri.	Bhg. C - 1, 2
Jumlah kegiatan yang disertai.	Bhg. C - 3, 4, 5
Minat dan kecenderungan	Bhg. C - 6, 7, 8
Matlamat penglibatan	Bhg. C - 9, 10, 12, 20
Manfaat yang didapati daripada kegiatan yang diceburi.	Bhg. C - 11, 13, 15, 17, 19

1.8 **DEFINISI OPERASIONAL**

Berikut diuraikan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini mengikut keperluan-keperluan kajian:

1.8.1 **Kegiatan KoKurikulum**

Kegiatan bermaksud gerakkerja, manakala kokurikulum ialah satu bidang dari kurikulum sekolah yang dijalankan di luar jadual waktu pelajaran akademik yang diikuti oleh pelajar dengan bimbingan khusus oleh para guru.

Kegiatan kokurikulum merangkumi bidang:

- a. Kegiatan Pasukan Pakaian Seragam.
- b. Persatuan/Kelab
- c. Kegiatan Sukan (Permainan dan Olahraga)

1.8.2 **Tahap Penglibatan**

Tahap pengambilan bahagian dalam kegiatan kokurikulum sepanjang tempoh persekolahan (sekolah rendah dan ke peringkat menengah atas) berlandaskan jawatan yang disandang, kehadiran, peruntukan masa, sikap terhadap kegiatan kokurikulum, harapan dan tanggapan

terhadap kokurikulum di sekolah. Tahap penglibatan ini dibahagi kepada dua peringkat iaitu sangat aktif dan aktif.

1.8.3 Daya Kepimpinan

Daya membawa maksud 'keupayaan', kebolehan, kemahiran seseorang yang menjadi penggerak dan tenaga kepadanya untuk meneruskan sesuatu tugas. Kepimpinan pula bermaksud membimbing seseorang atau sesuatu kelompok manusia untuk menuju ke suatu matlamat yang ditentukan terlebih dahulu. Ia juga merangkumi kebolehan merancang, menghadapi dan menyelesaikan masalah, berinisiatif, tekun, jujur, bijaksana, belas kasihan, memerhati dan menganalisis kehendak orang-orang yang dipimpin.

Koontz, O'Donnel (1982: 661), menyatakan daya kepimpinan adalah satu kebolehan dan keupayaan seseorang untuk mempengaruhi perlakuan orang lain melalui sama ada pemikiran, pelaksanaan atau tindakan. Ia adalah keupayaan sesuatu pengaruh, kaedah atau tanggapan proses dalam mempengaruhi orang ramai supaya mereka boleh berusaha secara sukarela ke arah pencapaian matlamat.

Pengkaji membahagikan daya kepimpinan kepada tiga, iaitu:

- a. Daya kepimpinan tinggi.
- b. Daya kepimpinan sederhana.
- c. Daya kepimpinan rendah.

1.8.4 **Pelajar-Pelajar Menengah Atas**

Para pelajar menengah atas terdiri pelajar tingkatan empat ke atas yang mendaftar di sekolah ini. Oleh kerana penetapan telah dibuat oleh kementerian yang tidak membenarkan pelajar-pelajar di kelas-kelas peperiksaan iaitu tingkatan lima dan enam atas dijadikan sampel, maka bagi tujuan kajian ini, pengkaji membataskan definisi pelajar menengah atas kepada pelajar tingkatan empat dan enam rendah sahaja.

1.9 **BATASAN KAJIAN**

Kajian ini hanya memfokuskan hubungan antara tahap penglibatan dalam kegiatan kokurikulum dengan daya kepimpinan pelajar yang dibezakan dalam kumpulan pelajar kumpulan sangat aktif dan pelajar kumpulan aktif bagi pelajar menengah atas.

Sekolah yang terlibat dalam kajian hanya Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah. Oleh itu dapatan kajian ini nanti hanya menggambarkan keadaan populasi di sekolah ini yang mungkin tidak sama keadaannya dengan di sekolah-sekolah lain. Namun pemilihan sekolah ini dibuat berdasarkan kriteria-kriteria yang sesuai dengan fakta-fakta yang cuba dikaitkan oleh pengkaji dalam kajian yang hendak dijalankan.

Kriteria-kriteria yang menyokong yang terdapat di Kolej Sultan Abdul Hamid dengan faktor yang hendak dikaji antara lainnya termasuklah:

- i) Keterampilan dari segi kegiatan kokurikulum. Kegiatan kokurikulum di sekolah ini baik dalam pasukan pakaian seragam, persatuan atau kelab dan kegiatan sukan memang diiktiraf sebagai salah satu yang teraktif di peringkat daerah dan negeri Kedah Darul Aman. Pelbagai kegiatan kokurikulum dijalankan hampir setiap hari di sekolah ini. Ramai jaguh sukan di peringkat negeri dan kebangsaan berasal dari sekolah ini. Perhatian yang diberikan oleh pihak sekolah dan kesungguhan pelajar-pelajar menyertai kegiatan-kegiatan kokurikulum dapat diukur dari kejayaan yang dicapai dalam pertandingan-pertandingan di peringkat daerah dan negeri. Pencapaian cemerlang pelajar-pelajar sekolah ini dalam aktiviti kokurikulum terutama dalam bidang sukan telah menarik perhatian pengkaji untuk meninjau sama

ada terdapat kesan penglibatan pelajar dalam kegiatan-kegiatan kokurikulum terhadap daya kepimpinan pelajar.

- ii) Keupayaan melahirkan tokoh-tokoh pemimpin terbilang negara. Sejak ditubuhkan pada tahun 1908, sekolah ini telah melahirkan ramai tokoh pemimpin negara termasuklah DYMM Sultan Kedah, YM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Perdana Menteri Malaysia yang pertama, bekas Menteri Pelajaran Malaysia En. Khir Johari, bekas Gabenor Pulau Pinang Tun Syed Sheh Barakabah, bekas Ketua Turus Angkatan Tentera Tunku Osman bin Tunku Mohamed Jawa, bekas Ketua Hakim Negara Tan Sri Abdul Hamid Omar dan Hakim Mahkamah Agung Tan Sri Azmi bin Mohamed. Di samping itu ramai lagi pemimpin-pemimpin yang lahir dari sekolah ini dipercayai hasil didikan serta penyertaan mereka dalam kegiatan dalam dan luar bilik darjah semasa menuntut di sekolah ini.
- iii) Mewakili pelajar menengah atas di daerah Kota Setar. Pelajar tingkatan empat boleh dikatakan sebagai anak kelahiran Kolej Sultan Abdul Hamid secara total; manakala kebanyakan pelajar tingkatan enam terdiri daripada pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah persekitaran daerah ini. Oleh itu, sampel yang dipilih bagi mewakili tingkatan

enam boleh juga memberikan gambaran tentang situasi, persepsi pelajar-pelajar sekolah lain di daerah ini. Hasil kajian ini walaupun memfokuskan kepada sampel di sebuah sekolah sahaja tetapi kriteria-kriteria yang terdapat dalam kajian diharapkan berjaya memberikan hasil kajian yang boleh diterima pakai untuk mewakili sampel sekolah-sekolah lain di daerah ini.

Analisis ini juga adalah berdasarkan maklumbalas yang diberi oleh pelajar-pelajar yang dijadikan sampel. Kajian ini juga kemungkinan tidak boleh menggambarkan hubungan daya kepimpinan dengan tahap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum pelajar pada tahun-tahun selanjutnya. Ini disebabkan pada masa akan datang kemungkinan terdapat perbezaan dalam ciri-ciri pembolehubah. Oleh itu keesahan dan kebolehpercayaan dapatan ini tidak boleh dipertikaian pada masa tersebut.

BAB II

TINJAUAN TERHADAP KARYA YANG BERKAITAN

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini mengandungi tiga bahagian, huraian tentang kokurikulum dan falsafahnya, kepimpinan dan konsep-konsepnya serta sorotan kajian-kajian lalu yang berkaitan dengan kajian ini.

2.2 TENTANG KOKURIKULUM

Mengikut Ab. Alim Abdul Rahim (1994: 1-9), aktiviti yang dilakukan di luar bilik darjah disebut kokurikulum. Aktiviti, proses dan isi kandungan pengajaran dan pembelajaran kokurikulum dilaksanakan sama ada melalui badan beruniform, persatuan, kelab, sukan dan permainan.

Proses pembelajaran dan pengajaran dalam aktiviti kokurikulum lebih banyak dilaksanakan secara tidak langsung. Aktiviti kokurikulum lebih menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan sebagainya.

2.2.1 Falsafah Dan Matlamat Kokurikulum

Falsafah dan matlamat kokurikulum ini meliputi aktiviti yang dilaksanakan di sekolah dan di maktab atau di institusi pengajian tinggi.

2.2.1.1 Falsafah Kegiatan Kokurikulum

Gerakkerja kokurikulum diasaskan kepada kepercayaan bahawa:

- i. Semua murid mempunyai bakat dan minat yang boleh dimajukan.
- ii. Semua murid boleh dididik dan mendidik diri sendiri dan rakan sebaya.
- iii. Semua murid harus mempunyai keseimbangan antara perkembangan mental (intelektual) dengan sosial, jasmani dan rohani.
- iv. Sekolah bertanggungjawab melahirkan murid untuk keperluan masyarakat.

- v. Masyarakat juga bertanggungjawab dan boleh memainkan peranan dalam mendidik murid.

2.2.1.2 **Matlamat Kegiatan Kokurikulum**

- i. **Menyemai Perasan Muhibah, Perpaduan dan Integrasi Nasional Di Kalangan Generasi Muda**

Keahlian hampir kesemua persatuan yang terdapat di sekolah adalah dibuka kepada pelbagai bangsa. Interaksi sosial berlaku secara langsung dan tidak langsung semasa pelaksanaan aktiviti persatuan ini dapat menyemaikan nilai-nilai di atas.

- ii. **Peningkatan Disiplin Pelajar**

Kegiatan kokurikulum dapat meningkatkan tahap disiplin pelajar secara langsung dan tidak langsung. Hampir kesemua pasukan berpakaian seragam mewajibkan kawat atau asas perbarisan dan mementingkan pelaksanaan disiplin di kalangan ahli.

Ini secara langsung akan meningkatkan disiplin pelajar. Pengawasan dan perlantikan ketua dan jawatankuasa yang menguatkuasakan peraturan terhadap ahli persatuan secara tidak langsung dapat mencapai matlamat tersebut.

iii. Pengalaman Yang Menyeluruh Dan Keseimbangan Dengan Pendidikan Formal

Pengajaran dan pembelajaran secara formal dan nonformal akan dapat mengimbangkan dari segi kognitif, afektif, psikomotor, rohani, jasmani dan emosi. Pelajar mendapat banyak pengalaman, luas pengetahuan dan dapat memberi pengukuhan dan pengayaan kepada perkara yang telah dipelajari dalam bilik darjah.

iv. Menanam, Memupuk dan Memberi Latihan Awal Dari Aspek Kepimpinan, Sahsiah dan Kemasyarakatan Di Kalangan Pelajar

Kepimpinan dapat dilatih melalui aktiviti pasukan pakaian seragam, persatuan, kelab dan sukan yang

mempunyai struktur kepemimpinan yang tersendiri bermula dari pengerusi atau ketua sehingga kepada ahli biasa.

v. **Menyumbangkan Usaha Membina Iklim, Budaya dan Tempat yang Menarik dan Menyeronokan**

Penglibatan murid melalui kegiatan kokurikulum dapat menjadikan sekolah sebagai institusi yang menarik dan mengembirakan bagi pelajar yang sederhana dan yang lemah dalam akademik. Kegiatan kokurikulum dapat menyumbangkan usaha membina iklim dan budaya sekolah yang segar dan sihat.

Pelajar-pelajar ini akan dapat memberi sumbangan kepada sekolah mengikut kecenderungan mereka. Ini akan menambah minat dan menimbulkan perasaan gembira di kalangan mereka.

vi. Perimbangan Antara Perkembangan Intelekt dengan Perkembangan Jasmani, Rohani dan Emosi

Perkembangan intelek, jasmani, rohani dan emosi seseorang individu perlu seimbang dan seiringan. Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum diharap dapat melepaskan ketegangan perasaan, emosi dan kepenatan fisiologi yang dihadapi semasa belajar dan bekerja.

vii. Pengisian Masa Lapang dengan Berfaedah

Penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dapat mengisi masa lapang dengan berfaedah, memberi kegembiraan, pembinaan kesihatan dan kesejahteraan diri. Ini berupaya membendung masalah lepak di kalangan kaum remaja di negara kita.

2.2.1.3 Objektif Kegiatan Kokurikulum

Aktiviti kokurikulum diharapkan dapat membentuk pelajar yang mempunyai sifat-sifat seperti berikut:

- percaya kepada tuhan,
- beradab dan bersusila,

- taat,
- bertanggungjawab,
- jujur,
- mengawal diri,
- tolong-menolong,
- menjaga kebersihan,
- kasih sayang,
- bertimbang rasa dan bertolak ansur,
- bercita-cita,
- gembira,
- berani iaitu yakin diri,
- cekal hati,
- berfikiran tajam, logik dan rasional,
- berkemahiran,
- berdikari; dan
- berkreatif.

2.3 TENTANG KEPIMPINAN

Tiada garispanduan atau peraturan tentang konsep kepimpinan tetapi dipercayai bahawa kepimpinan adalah suatu fungsi kolektif yang wujud kerana ada sesuatu masalah atau tujuan kumpulan tertentu. Kepimpinan memperlihatkan pertalian antara beberapa orang dan melibatkan penggunaan pengaruh dan ia (fenomena kepimpinan) wujud kerana situasi bukan kerana individu.

2.3.1 Definisi Konsep Kepimpinan

Razali Mat Zin (1982), memetik beberapa definisi mengenai kepimpinan seperti berikut:

"Kepimpinan secara umumnya semata-mata bermaksud pengaruh; satu seni atau proses memujuk orang supaya mereka dapat berusaha secara sukarela untuk mencapai matlamat yang telah dipersetujui"

(Koontz, O'Donnel, 1976:587)

"Kepimpinan adalah proses interaksi sosial yang berlaku di antara individu dengan kelompok. dengan lebih khusus lagi merupakan interaksi antara individu dengan kesemua anggota kelompok. Setiap individu yang terlibat dalam interaksi dianggap memainkan peranan tertentu yang mempunyai perbezaan antara satu sama lain. Perbezaan adalah dari sudut pengaruh iaitu pemimpin mempengaruhi dan pengikut mematuhi arahan pemimpin tersebut".

(Gordon, Thomas, 1955:51)

"Kepimpinan merupakan satu bentuk proses saling mempengaruhi di kalangan pemimpin dan penyokong. Kekuatan pengaruh seseorang itu adalah bergantung kepada usaha pemujukan dan bukan paksaan melalui 'kuasa' yang dimiliki oleh seorang pemimpin itu. Proses kepimpinan berlangsung dengan pertalian pengaruh yang bersifat dua hala. Walau bagaimanapun tujuan utamanya adalah untuk mencapai matlamat bersama. Oleh itu kepimpinan bukan semata-mata dirujuk kepada tanggungjawab pemimpin tetapi apa yang lebih tepat ialah kerjasama antara pemimpin dan pengikut- pengikutnya".

(Hollander, Edwin 1978:21)

"Kepimpinan merupakan satu proses yang dilaksanakan pada satu situasi atau masa tertentu untuk mempengaruhi kumpulan bagi merangsang ahli-ahli kumpulan itu bekerja dan berusaha secara sukarela untuk sama- sama mencapai matlamat yang dibentuk bersama".

(Gribben, James J.,1972:9)

Razali Mat Zin (1982:2-5), membuat rumusan berkenaan ciri-ciri kepimpinan seperti berikut:

- a. Kepimpinan wujud dalam apa jua aktiviti yang disusun secara rapi dan sistematik. Ianya berkait secara langsung dan tidak langsung dengan keseluruhan aktiviti dalam organisasi.
- b. Kepimpinan mempunyai talian rapat dengan kuasa.

- c. Fungsi kepimpinan mengandungi tugas-tugas menetapkan matlamat dan menyusun, mengarah serta menyelaras usaha-usaha untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.
- d. Kepimpinan adalah satu proses mempengaruhi kerana tanpa pengaruh maka tidak wujud konsep kepimpinan. Ia adalah satu proses berterusan, bukan hanya dilaksanakan atau diamalkan apabila keadaan terdesak atau krisis timbul.
- e. Setiap keadaan memerlukan corak gelagat kepimpinan yang tertentu kerana gelagat yang bersesuaian untuk sesuatu keadaan mungkin tidak sesuai untuk keadaan yang lain.
- f. Sesiapapun tidak boleh memaksa orang lain membuat sesuatu yang mereka tidak mempunyai minat terhadapnya. Kepimpinan berkait rapat dengan pengaruh yang bergantung kepada keupayaan pemujukan.
- g. Kepimpinan yang berkesan memberi kepuasan kepada pengikut dan ini menghasilkan prestasi yang cemerlang.

2.3.2 **Konsep Kepimpinan dan Kontradiksinya dengan Konsep-Konsep Lain yang Sering Dikaitkan Secara Bersama**

a) **Kepimpinan Dan Pemimpin**

- Kepimpinan adalah satu bentuk proses interaksi kelompok yang diwujudkan untuk mencapai satu-satu matlamat.
- Pemimpin adalah individu (manusia) dan merupakan komponen utama dalam proses kepimpinan.

b) **Kepimpinan Dan Pengurusan; Kepimpinan dirujuk kepada pemimpin dan pengurusan dirujuk kepada pengurus**

- pemimpin; mengambil sikap peribadi dan bersifat aktif terhadap matlamat dan memperlihatkan kehendak-kehendak tertentu yang ingin dicapai berdasarkan halacara aktiviti-aktiviti organisasi. Kakitangan di bawah seorang pemimpin melaksanakan tugas masing-masing kerana mereka rela dan suka melaksanakan tugas tersebut.

- pengurus; tidak bersikap peribadi kerana matlamat yang ingin dicapai telah ditentukan dan ditetapkan oleh organisasi. Kakitangan di bawah kawalan pengurus melakukan tugas kerana tanggungjawab tersebut telah ditugaskan kepada mereka.

- Pengurus tidak semestinya seorang pemimpin tetapi seorang pemimpin itu semestinya pula merupakan seorang pengurus.

c) **Kepimpinan Dan Populariti**

- Populariti bukan satu-satunya komponen utama dalam menentukan kejayaan kepimpinan seseorang pemimpin. Kurang popular tidak bermakna seseorang pemimpin itu lemah. Masyarakat umumnya terkeliru dengan konsep kepimpinan dan populariti kerana kebanyakan pemimpin dipilih kerana populariti mereka.

- Ramai orang menganggap bahawa pemimpin merupakan individu yang berkeupayaan untuk

memahami dan menetapkan matlamat serta memandu pengikut-pengikutnya ke arah matlamat yang ingin dicapai tanpa mengetahui bahawa kelompok yang dipimpin juga berperanan besar dalam menentukan kejayaan kepemimpinan seseorang pemimpin itu.

d) **Kepimpinan dan Semangat**

- Seseorang yang bersemangat dan agresif adakalanya boleh menjadi seorang pemimpin yang baik. Walau bagaimanapun semangat yang terlalu berkobar-kobar dengan sikap yang terlalu agresif boleh membunuh semangat ahli-ahli kumpulan untuk bekerjasama secara sukarela dan kerap kali menimbulkan suasana tegang.

- Oleh itu konsep kepemimpinan yang dilihat searah aliran dengan semangat dan sikap agresif tidak sesuai untuk semua keadaan dan tidak boleh dikaitkan dengan keperluan asas dalam diri seorang pemimpin yang efektif.

e. **Kepimpinan dan Penguasaan**

- Kepimpinan telahpun difahami sebagai proses mempengaruhi, memujuk dan mendorong pengikut- pengikut untuk mencapai matlamat yang dirangkakan bersama secara sukarela, sedangkan penguasaan menurut Pigors ialah:

"Proses pengawalan sesuatu komuniti oleh pihak atasan yang telah dilantik sebagai pemerintah dan mengharapkan ketaatan pihak bawahan (subordinates) yang mengakui kedudukan mereka yang rendah mengikut strata sosial"

2.3.3 **Gaya Kepimpinan**

Robiah Kulop Hamzah (1993: 5-6), menyatakan beberapa orang yang ahli dalam kepimpinan seperti Yulk (1971), Stogdill (1974) dan Lawler (1973) menggariskan tiga gaya kepimpinan, iaitu:

- Gaya Autoritarian.
- Gaya Demokratik.
- Gaya Laissez-faire.

Pemimpin autoritarian mempunyai ciri tingkah laku yang mengutamakan struktur. Biasanya pemimpin jenis ini akan menggunakan kuasa penuh mentadbir, memusatkan keputusan di

pihak atasan dan menganggap pekerja sebagai alat dalam mencapai matlamat organisasi.

Pemimpin yang mengamalkan gaya demokratik lebih bersifat timbang rasa, tidak menekankan atau menggunakan kuasa sepenuhnya. Pemimpin jenis ini lebih mementingkan kebajikan pekerja, sentiasa mengadakan perbincangan dengan orang bawahannya dan memberi peluang kepada mereka membuat sesuatu keputusan.

Kepimpinan bercorak *Laissez-faire* pula memberi kebenaran sepenuhnya kepada pekerja yang di bawahnya. Pemimpin jenis ini bertindak sebagai penasihat atau pembimbing sahaja. Seseorang pemimpin sesebuah organisasi yang memimpin dengan lebih berkesan perlu mengamalkan kesemua gaya kepimpinan mengikut suasana organisasi. Dengan kata lainnya, sifat orang yang dipimpin, iklim organisasi, situasi, dan masa akan mempengaruhi gaya kepimpinan seseorang pemimpin. Pemimpin yang berjaya perlu mengkaji berbagai-bagai sumber tentang organisasi yang dipimpin sebelum dia mengamalkan sesuatu corak kepimpinan.

2.4 SOROTAN KEPADA KAJIAN-KAJIAN YANG BERKAITAN

Kajian lalu yang secara langsung cuba melihat hubungan tahap penglibatan dalam kegiatan kokurikulum (mengambil kira sikap terhadap kokurikulum sebagai satu komponen penting) dengan daya kepimpinan pelajar tidak banyak dapat dikemukakan di sini. Pengkaji hanya dapat mengemukakan kajian-kajian yang hampir searah aliran dengan matlamat kajian ini.

Kajian-kajian yang akan dikemukakan di bawah ini, walaupun tidak merupakan sandaran bagi kajian yang betul-betul menepati kajian penulis, namun pembolehubah-pembolehubah yang telah dikaji didapati bertalian rapat dengan pembolehubah-pembolehubah yang ingin dikorelasikan dalam penyelidikan ini. Oleh itu penulis berpendapat kajian-kajian lepas yang dikemukakan ini mempunyai relevan yang kuat dengan kajian yang hendak penulis laksanakan dan sesuai dijadikan sebagai penggerak kepada penulis untuk membuat kajian ini.

Berdasarkan kajian tentang "Pembelajaran Melalui Proses Mengalami" oleh Shahril dan Khathijah, belajar secara mengalami adalah berdasarkan tiga andaian, iaitu:

- a) Cara yang paling baik, kerana pelajar mempelajari sesuatu dengan mengalami sendiri.
- b) Pengetahuan ditemui sendiri oleh pelajar.
- c) Penglibatan pembelajaran sangatlah tinggi apabila pelajar bebas menentukan bagaimana mencapai matlamat pembelajaran.

Bagi seseorang pelajar yang ingin melatih dirinya untuk menjadi seorang pemimpin, maka pelajar tersebut perlu mengambil bahagian dan menjalankan tugas-tugas seorang pemimpin, yakni pelajar tersebut mengalami sendiri kemahiran-kemahiran sikap, tindak-tanduk, pengetahuan dan sebagainya dalam bidang kepimpinan, bukan sekadar hanya tahu tentang teori-teori kepimpinan melalui pembacaan dan penerangan sahaja. (Shahril Jamaluddin dan Khathijah Abd. Hamid, 1992, Jld 16).

Kajian yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan bahawa keupayaan pelajar untuk memimpin boleh dilatih. Salah satu caranya ialah melalui kebiasaan dalam menjalankan tugas sebagai anggota pemimpin dalam gerakkerja kokurikulum yang dianggotainya.

Sperling (1942), dalam Mohamed Nor, telah membandingkan ciri-ciri personaliti penuntut-penuntut kolej dari aspek tahap perwakilan mereka di dalam kegiatan sukan. Dapatan kajiannya itu berjaya memperlihatkan:

- a) Adanya perubahan yang signifikan dalam ciri-ciri personaliti di kalangan olahragawan dengan yang bukan olahragawan.
- b) Olahragawan yang telah melibatkan diri untuk jangkamasa lebih daripada lima musim menunjukkan wujudnya penyesuaian yang amat memuaskan berbanding dengan olahragawan yang melibatkan diri dalam sukan untuk jangkamasa yang lebih singkat.

Salmah Haji Ayob (1992), membuat kajian tentang "Keberkesanan Rancangan Kokurikulum Universiti Sains Malaysia" mendapati penglibatan pelajar dalam kokurikulum mempengaruhi kualiti kepimpinan, pembabitan kecergasan, kemahiran dan rekreasi, perhubungan ras dan sosial, aspirasi dan prestasi akademik serta pengawalan sendiri dan penentuan corak hidup masa hadapan. Beliau merumuskan rancangan kokurikulum di Institusi Pengajian Tinggi berjaya melatih pelajar menjadi pemimpin berkaliber.

Salmah juga menyatakan rancangan kokurikulum telah memberi latihan kepada pelajar sehingga dapat mengawal diri dalam keadaan yang tertekan. Penglibatan dalam kokurikulum berkemampuan memupuk rasa sejahtera (sense of well-being), rasa berjaya (sense of achievement) dan rasa termilik (sense of belonging). Ciri-ciri pemimpin yang mengutamakan pandangan-pandangan serta perasaan-perasaan perkumpulan sebelum melaksanakan sesuatu rancangan yang membolehkan pelajar memimpin kalangan pelajar dan masyarakat luar dapat dipupuk melalui rancangan kokurikulum.

Mohamed Nor (1982:45-46), membuat penyelidikan dengan menggunakan ujian-ujian personaliti dan penyesuaian dibuat ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah dan kolej. Rumusan kajian beliau adalah didapati bahawa pelajar-pelajar yang bergiat dalam sukan:

- a) Lebih suka bergaul dan lebih berkeyakinan dalam pergaulan sosial.
- b) Agresif, dominan dan bersifat pemimpin.
- c) Mempunyai penyesuaian sosial yang lebih baik, berdasarkan penilaian oleh guru-guru dan rakan-rakan sebayanya.
- d) Berwibawa dan mempunyai status sosial yang lebih tinggi.
- e) Merupakan pesaing lebih kuat dan tahan lasak.
- f) Kurang risau dan lebih rasional.
- h) Kurang bersikap memaksa.

- i) Berdaya tahan tinggi terhadap kesakitan fizikal.
- j) Kurang minat terhadap kaum wanita.

Dalam kajiannya itu juga (Mohamed Nor, 1982:227), mendapati ahli-ahli olahraga menunjukkan penyesuaian yang lebih baik daripada mereka yang bukan olahragawan, dalam hal-hal yang melibatkan kesihatan, perkembangan fizikal, aktiviti sosial dan permainan, perhubungan sosial-psaikologi, perhubungan peribadi-psaikologi, pekerjaan atau jawatan yang ingin disandang dan hal-hal pendidikan pada masa hadapan.

Adnan Hj. Sharif (1988: 47-52), membuat kajian mengenai "Pengaruh Jantina, Jenis Sekolah Dan Kegiatan Kokurikulum Terhadap Personaliti Remaja Yang Terbentuk Oleh Rakan Sebaya", memperolehi hasil yang menunjukkan terdapat perbezaan di antara pelajar-pelajar yang aktif dengan yang tidak aktif dalam kegiatan persatuan iaitu pelajar-pelajar yang aktif itu menunjukkan hubungan yang positif dengan personaliti.

Menurut Adnan perbezaan yang wujud itu tidak menghairankan kerana aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam persatuan mempunyai hubungan dengan daya kepimpinan seseorang dalam sesebuah organisasi. Kegiatan yang dirancang dengan teratur di samping tunjuk ajar oleh guru

bimbingan dapat memberikan keyakinan dalam diri setiap individu yang terlibat.

Penglibatan yang aktif dalam aktiviti berpersatuan dapat melahirkan individu yang tinggi perasaan harga diri, kepercayaan kepada diri dan pergaulan yang luas. Ia mungkin dapat mengubah sikap pelajar yang negatif kepada sikap yang berbentuk positif. Ia juga mempengaruhi pelajar-pelajar untuk menilai semula mengenai kebaikan dan kelemahan dirinya sendiri.

Adnan juga telah mengkaji tentang pengaruh penglibatan dalam sukan terhadap personaliti pelajar. Didapati bahawa tiada perbezaan di antara pelajar yang aktif dengan yang tidak aktif dalam sukan. Walau bagaimanapun, dia masih berpendapat aktiviti sukan memberi sumbangan yang positif terhadap pembentukan personaliti remaja.

Latihan-latihan jasmani yang dijalankan merupakan satu kaedah pendisiplinan. Disiplin ini berupaya melahirkan pelajar lebih tinggi paras harga diri, bertanggungjawab, berkeyakinan dan pergaulan yang lebih luas.

Salmah Haji Ayob (1992:8), telah merujuk kajian oleh Spady (1971), yang melaporkan bahawa pelajar-pelajar yang melibatkan diri dalam kokurikulum, khususnya aktiviti kepimpinan masyarakat mempunyai aspirasi yang tinggi untuk melanjutkan pelajaran dengan prestasi akademik yang cemerlang. Otto (1976) juga merumuskan pandangan yang serupa di mana beliau melaporkan tentang wujudnya perkaitan yang positif antara penglibatan dan aspirasi.

Handel, Randy Michael (1993), menyatakan penglibatan pelajar dalam kegiatan sukan (tumpuan kajian kepada pemain-pemain bola keranjang) berjaya memberi sumbangan kepada membentuk pelajar sebagai pemimpin. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kegiatan sukan dapat mempelajari karektor jurulatih, menimba pengetahuan dan pengalaman (skil) yang diperlukan oleh seorang pemimpin dan dapat membimbing mereka sebagai bakal pemimpin.

Quinn, Philip (1992), menyatakan pendidikan jasmani di sekolah telah menyerap peranan melatih pelajar-pelajar menjadi pemimpin. Pelajar memperoleh kesempatan membina skil dalam komunikasi, melaksanakan rancangan dan membuat keputusan semasa berinteraksi antara satu sama lain. Bimbingan daripada guru-guru dapat membina daya kepimpinan pelajar secara langsung dan juga secara tidak langsung.

Jee (1988:40), pula telah melakukan kajian mengenai "Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik". Kajian ini adalah kajian kes di sebuah sekolah di Kajang. Dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian akademik bagi pelajar yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum secara aktif, kurang aktif atau tidak aktif. Ini menunjukkan penglibatan dalam kegiatan kokurikulum tidak mendatangkan kesan negatif atau menjejaskan pencapaian akademik pelajar.

Kajian-kajian di atas ada yang tidak dapat memberi satu kesimpulan yang konklusif tentang pengaruh penglibatan dalam kegiatan kokurikulum terhadap personaliti seseorang individu. Oleh itu, penulis memikirkan perlu diwujudkan satu kajian bagi mengkaji sama ada kegiatan kokurikulum berkesan dalam mengujudkan personaliti yang baik sebagai asas melahirkan pemimpin yang berkualiti di kalangan pelajar.

Kegiatan kokurikulum adalah penting sebagai alat bagi menyediakan pelajar yang matang fikiran dan sihat fizikal selaras dengan cita-cita dalam Dasar Pendidikan Negara iaitu membentuk warganegara yang bersahsiah mulia; seimbang rohani dan jasmani. Ini dijelaskan dengan lanjut oleh Abu Bakar

Nordin (1991:289-290), yang mendapati kokurikulum adalah aktiviti amali sebagai lanjutan kepada mata pelajaran di bilik darjah.

Pengetahuan yang diperolehi daripada mata pelajaran di bilik darjah dapat diintegrasikan dalam aktiviti praktikal semasa menjalankan gerakkerja kokurikulum dalam bentuk gunaan. Pengalaman yang didapati dengan cara ini akan meluaskan pandangan, pengetahuan, kefahaman pelajar serta menghasilkan perkembangan dan kematangan jasmani, mental, sosial dan emosi mereka melalui interaksi sosial yang sihat dan positif dalam suasana yang lebih bermakna, riang dan menyeronokkan.

Abu Bakar Nordin (1991), seterusnya menyatakan bahawa penglibatan dalam aktiviti kokurikulum ini akan juga membolehkan pelajar itu mengalami dan merasai bentuk kegiatan yang akan ditemui dalam alam dewasa kelak. Kegiatan-kegiatan kokurikulum dapat dilihat juga sebagai pengalaman perantaraan di antara alam persekolahan dengan alam luar dan seterusnya alam dewasa. Ini kerana struktur yang terdapat di luar bilik darjah boleh menyerupai kehidupan yang normal dan norma-norma hidup bermasyarakat dapat diamalkan. Kegiatan kokurikulum juga dapat membentuk persekitaran sekolah yang menyeronokkan dan menarik minat pelajar untuk datang ke sekolah, berupaya menimbulkan rasa cinta dan taat setia kepada sekolah.

Daripada kajian-kajian yang telah dikemukakan itu juga, walaupun pengaruh kegiatan kokurikulum cuba dikaitkan dengan perubahan dalam personaliti seseorang pelajar dan tidak pula dikaitkan secara langsung dengan daya kepimpinan, ianya masih lagi sesuai menjadi rujukan bagi kajian penulis kerana daya kepimpinan yang dimaksudkan dalam kajian penulis merujuk kepada kualiti-kualiti yang harus dimiliki oleh pelajar yang menjadi pemimpin.

Seorang pemimpin yang baik sewajarnya merupakan individu yang mempunyai personaliti yang baik. Oleh itu "kesan kegiatan kokurikulum yang dikatakan ada kaitan dengan peningkatan dalam personaliti seseorang pelajar" boleh pula dilihat sebagai "kesan kegiatan kokurikulum pelajar ada kaitan dengan peningkatan dalam keupayaan mereka untuk memimpin". Perkara inilah yang dijadikan asas oleh penulis untuk melaksanakan kajian ini yang menjuruskan kepada matlamat yang sama tetapi dilihat dari sudut yang lain pula.

Kesimpulannya, kajian-kajian di atas berjaya menunjukkan pentingnya aktiviti kokurikulum kepada pelajar-pelajar. Melalui penglibatan dalam pasukan pakaian seragam, para pelajar dilatih berdisiplin, bekerjasama,

memberi serta mengeluarkan arahan yang akan membina asas sebagai seorang pemimpin. Melalui kegiatan berpersatuan atau kelab, para pelajar dilatih merancang dan menjalankan program yang berfaedah termasuk cara mengendalikan mesyuarat dan menguruskan urusan kewangan yang amat berguna kepada bakal pemimpin di mana-mana peringkat sekalipun. Manakala dalam kegiatan sukan, para pelajar dilatih menjadi seorang yang gigih, bersemangat berpasukan serta mengatur strategik untuk mencapai kejayaan.

Ketua pasukan secara tersendiri dilatih memimpin anggota pasukannya. Aktiviti-aktiviti kokurikulum boleh menjadi daya tarikan para pelajar kepada sekolah, melahirkan perasaan cintakan sekolah dan juga dapat memberikan sumbangan terhadap perkembangan diri individu dari segi mental, fizikal dan sosial. Oleh itu, kegiatan kokurikulum di sekolah perlu diberikan perhatian yang sewajarnya.

BAB III

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 PENDAHULUAN

Bahagian ini akan menjelaskan tentang struktur penyelidikan yang dijalankan. Secara lebih khusus bab ini akan membincangkan reka bentuk penyelidikan meliputi aspek pemilihan sampel, instrumen kajian, pembolehubah kajian, tatacara pengumpulan data dan tata-cara penganalisan data.

3.2 REKA BENTUK PENYELIDIKAN

Kaedah pengumpulan data yang dipilih ialah kaedah kuantitatif; tinjauan sampel. Ini kerana kesukaran bagi mendapatkan maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah daripada seluruh populasi, oleh itu kajian ini dibentuk ke arah sampel rawak sebagai mewakili populasi (Mohd. Majid Konting 1990).

Menurut Kerlinger (1970), tinjauan sampel adalah untuk mengkaji populasi sama ada besar atau kecil dengan cara membuat pemilihan dan pengkajian bagi sampel yang dikutip daripada populasi tersebut untuk mendapatkan kesan perbandingan, taburan dan perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah. Kajian tentang sampel begini adalah perlu kerana kesukaran-kesukaran yang terpaksa dihadapi untuk mengkaji seluruh populasi. Sampel rawak biasanya memberikan maklumat yang sama dengan bancian (iaitu perhitungan dan kajian tahap populasi seluruhnya) dengan perbelanjaan yang lebih kecil, lebih cekap dan kadang-kadang lebih tepat. (Zainusham Yusof, 1993)

3.3 PEMILIHAN SAMPEL

Populasi kajian ini ialah semua pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 6 Rendah Kolej Sultan Abdul Hamid yang berjumlah seramai 406 orang pelajar. Pecahan jumlah pelajar mengikut tingkatan adalah berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 3.1 : Pecahan Jumlah Pelajar Tingkatan 4

Tingkatan	Jumlah pelajar (orang)
4 Sains 1	19
4 Sains 2	35
4 Sains 3	21
4 Akaun 1	36
4 Akaun 2	35
Jumlah	146

Jadual 3.2 : Pecahan Jumlah Pelajar Tingkatan 6 Rendah

Tingkatan	Jumlah pelajar (orang)
6R Sains A	23
6R Sains B	22
6R Sains C	21
6R Sas.A	38
6R Sas.B	39
6R Sas.C	37
6R Sas.D	38
6R Sas.E	40
Jumlah	258

Sampel kajian diambil secara rawak dalam stratum, iaitu sampel diambil secara rawak daripada 2 kumpulan pelajar yang dikaji. Pelajar yang

memegang 2 atau lebih jawatan penting dalam kegiatan kokurikulum dikategorikan sebagai pelajar-pelajar sangat aktif. Pelajar-pelajar yang tidak memegang apa-apa jawatan penting dalam kegiatan kokurikulum dikategorikan sebagai pelajar-pelajar aktif.

Memandangkan pelajar-pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar-pelajar sangat aktif dan aktif ini tidak terkumpul dalam satu kelas tertentu. Pengkaji membuat pemilihan kelas secara rawak untuk mendapatkan sampel-sampel tersebut. Setelah mengambil kira faktor-faktor taburan pelajar-pelajar ini, maka penyelidik telah memilih kelas-kelas berikut:

Tingkatan 4 : 4S.1, 4S.3 dan 4 Akaun 2

Tingkatan 6 : 6RS.A, 6RS.B, 6RSasA, 6RSasB dan 6RSasC

Jumlah pelajar untuk sampel yang dipilih seramai 200 orang iaitu 50% daripada populasi kajian. Pecahan sampel mengikut tingkatan adalah seperti berikut:

Jadual 3.3 : Pecahan Jumlah Sampel Mengikut Tingkatan

Tingkatan	Jumlah Pelajar	
	sangat aktif	aktif
4	45 orang	45 orang
6	55 orang	55 orang

3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik (Lampiran A) diambil daripada penyelidikan yang telah dilakukan dan didapati berkaitan dengan tujuan kajian ini. Item-item tersebut kemudiannya diolah semula oleh penyelidik. Item-item soalselidik yang dibina merangkumi pertanyaan-pertanyaan yang boleh dibahagikan kepada 4 bahagian:

Bahagian A: Terdiri daripada pertanyaan umum tentang responden dan meliputi tingkatan, jantina, bangsa, nama-nama persatuan, permainan dan pasukan seragam yang dianggotai, pekerjaan bapa, bilangan adik beradik, pendapatan bapa, tempat tinggal, asrama dan pengakuan menghadiri kursus-kursus.

Bahagian B: Terdiri daripada item-item yang berupa pertanyaan-pertanyaan yang mengukur sikap pelajar terhadap kegiatan kokurikulum.

Bahagian C: Terdiri daripada item-item yang berupa pertanyaan-pertanyaan yang mengukur tahap penglibatan pelajar-pelajar dalam kegiatan kokurikulum.

Bahagian D: Terdiri daripada item-item yang berupa pertanyaan-pertanyaan yang mengukur daya kepimpinan pelajar-pelajar.

Sumber-sumber item yang dibentuk

Bahagian A: Item-item bahagian A dibentuk oleh penyelidik dengan nasihat penyelia.

Bahagian B: Item-item bahagian B dalam soal selidik merupakan sedutan daripada kajian yang telah dijalankan tentang sikap terhadap kokurikulum (Che Wan Mohd Amil 1991).

Bahagian C: Item-item bahagian C dan D dibentuk berasaskan daripada sebuah kajian ilmiah yang disediakan oleh Mohd. Nordin Haji Mohd. Nasir (1986). Reka bentuk asal item-item telah diolah semula untuk disesuaikan dengan kehendak dan tujuan kajian dengan mengambil pandangan dan teguran beberapa orang yang mahir dalam aspek kajian (Zainusham Yusof, 1993). Penyelidik juga telah berbincang dengan beberapa pensyarah maktab perguruan di unit kaunseling. Penyelidik juga telah mendapatkan pandangan dan teguran daripada beberapa orang guru berpengalaman.

Seterusnya soal selidik ini diberikan kepada sekumpulan subjek yang memiliki ciri-ciri responden sebenar dalam satu kajian rintis. Oleh kerana kesuntukan masa; penyelidik hanya menggunakan kaedah keesahan muka (face validity) bagi menentukan dan mengesahkan item-item soal selidik. Tujuannya untuk memastikan item-item tersebut bersesuaian dengan keperluan kajian dan mudah difahami oleh pelajar-pelajar. Penyelidik juga mengambil kira teguran dan pandangan penyelia 1 dan penyelia 2.

3.5 **KAJIAN RINTIS**

Kajian Rintis dijalankan untuk menghalusi dan mengemaskini instrumen selain menentukan keesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan.

3.5.1 **Sampel**

Sebanyak 10 borang soal selidik telah diberikan kepada 10 orang pelajar yang terdiri daripada 5 orang pelajar kategori sangat aktif dan 5 orang lagi terdiri daripada pelajar aktif.

3.5.2 Instrumen

Instrumen yang digunakan terdiri daripada 4 bahagian, iaitu bahagian A merupakan demografi sampel, bahagian B mengandungi 20 kenyataan tentang sikap pelajar terhadap kegiatan kokurikulum, bahagian C terdiri daripada 20 soal selidik tentang tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dan bahagian D merupakan soal selidik tentang keupayaan pelajar untuk memimpin.

3.3.3 Hasil Kajian

Soal selidik dianalisis dengan menggunakan 'Statistical Package Social Science (SPSS)'. Kebolehpercayaan item-item untuk mengukur sesuatu pembolehubah ditunjukkan oleh nilai alpha. Pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach digunakan. Keseluruhan nilai alpha untuk semua 60 item dalam soal selidik ialah 0.9685. Ini bermakna kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik adalah melebihi alpha 0.5.

3.6 PEMBOLEHUBAH KAJIAN

Terdapat dua pembolehubah yang dikaji dalam kajian ini, iaitu tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum (pembolehubah bebas) dan daya kepimpinan pelajar (pembolehubah bergantung). Untuk mengukur skala tahap penglibatan dalam kegiatan kokurikulum yang terdiri daripada 40 item (dari bahagian B dan C) dan skala daya kepimpinan terdiri daripada 20 item di bahagian D digunakan Skala Likert 5 peringkat. Jumlah skor daripada skala menggambarkan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dan daya kepimpinan pelajar. Semakin tinggi jumlah skor responden menunjukkan semakin tinggi tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dan semakin tinggi daya kepimpinan pelajar.

3.7 TATACARA PENGUMPULAN DATA

Kebenaran menjalankan kajian di sekolah ini telah didapati daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan (Lampiran B). Soal selidik kepada setiap kumpulan (strata) responden diedarkan oleh penyelidik sendiri. Penyelidik melalui kebenaran Pengetua dan bantuan Guru Kanan Penyelaras jadual waktu, telah masuk ke kelas-kelas

yang dipilih. Dua waktu berkembar (80 minit) diperuntukkan kepada pelajar-pelajar untuk melengkapkan soal selidik yang diedarkan itu.

Daripada setiap kelas yang terpilih, penyelidik telah memilih 9 responden untuk setiap kategori bagi tingkatan 4 dan 11 responden untuk setiap kategori bagi tingkatan 6 rendah. Kajian dibuat selama seminggu.

3.8 TATACARA PENGANALISISAN DATA

Data-data yang dikumpulkan diberikan markah dan dikodkan untuk dianalisis mengikut kaedah statistik menggunakan perisian SPSS. Maklumat tentang latarbelakang responden di bahagian A soal selidik dikodkan seperti berikut:

TINGKATAN	4 = tingkatan 4;	6 = tingkatan 6.
JANTINA	1 = Perempuan;	2 = Lelaki.
BANGSA	1 = Melayu;	2 = Cina;
	3 = India;	4 = Lain-lain.

KEGIATAN KOKURIKULUM

Persatuan	0 = 0; 2 = 2;	1 = 1; 3 = 3 dan lebih persatuan.
Sukan/permainan	0 = 0, 2 = 2;	1 = 1; 3 = 3 dan lebih jenis sukan/ permainan.
Pasukan pakaian seragam	0 = 0; 2 = 2;	1 = 1; 3 = 3 dan lebih pasukan pakaian seragam.
PEKERJAAN BAPA	1 = sendiri; 3 = swasta.	2 = kerajaan;
BILANGAN ADIK-BERADIK	1 = a; 3 = c;	2 = b; 4 = d; 5 = e
PENDAPATAN BAPA	1 = a; 3 = c;	2 = b; 4 = d; 5 = e.
TEMPAT TINGGAL	1 = a;	2 = b.
SEKOLAH TERDAHULU	1 = a;	2 = b.
TINGGAL DI ASRAMA	1 = a;	2 = b.
MENGHADIRI KURSUS	1 = a;	2 = b.

Maklumat-maklumat di atas dimasukkan ke dalam komputer dan dianalisis dengan menggunakan prosedur *FREQUENCIES* dan *CROSSTABS* untuk mendapatkan taburan dan peratusan.

Jawapan bagi bahagian B dikodkan mengikut jenis item. Bagi item positif, skor setiap item adalah seperti berikut;

Jawapan **sangat bersetuju** diberi markah 5.

Jawapan **setuju** diberi markah 4.

Jawapan **kurang setuju** diberi markah 3.

Jawapan **tidak setuju** diberi markah 2.

Jawapan **sangat tidak setuju** diberi markah 1.

Bagi item negatif, skor setiap item adalah terbalikan daripada markah-markah di atas.

Jawapan bagi bahagian C dan D dikodkan mengikut darjah tinggi kepada darjah rendah.

Jawapan a = 5 markah.

Jawapan b = 4 markah.

Jawapan c = 3 markah.

Jawapan d = 2 markah.

Jawapan e = 1 markah.

Skor ataupun markah bagi kedua-dua pembolehubah tersebut kemudiannya disusun dan diberikan pangkat-pangkat yang monoton atau kedudukan nilai kepada kategori pembolehubah tersebut. Ini adalah untuk mengetahui kedudukan atau pangkat setiap pembolehubah.

Pengiraan nilai dibuat bersesuaian dengan kaedah yang digunakan iaitu ujian t dan kaedah koefisien korelasi Pearson untuk menentukan kedudukan hipotesis.

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan nilai darjah keertian pada aras signifikan 0.05 bagi menentukan samada H_0 berada dalam kawasan penerimaan atau kawasan penolakan.

Kesimpulannya, metodologi kajian dapat membantu pengkaji menganalisis hasil dapatan-dapatan daripada soal selidik. Melalui dapatan-dapatan tersebut, kedudukan hipotesis dapat ditentukan oleh pengkaji.

BAB IV

DAPATAN DAN HASIL KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji akan menjelaskan dapatan kajian yang telah diproses melalui borang soal selidik. Sejumlah 200 borang soal selidik yang diedarkan telah dapat dikumpulkan dan lengkap berjawab. Dalam kajian ini pembolehubah bebas (tahap penglibatan dalam kokurikulum) dan pembolehubah bersandar (daya kepimpinan) yang membentuk hipotesis kajian dianalisis dengan menggunakan ujian-t dan analisis korelasi.

Di samping itu penyelidik telah membuat analisis tambahan terhadap pembolehubah yang berkaitan dalam kajian ini. Analisis-analisis tersebut dilakukan secara diskriptif. Analisis dimulakan dengan melihat bentuk taburan kekerapan responden keseluruhan sampel kajian. Kemudian analisis didasarkan kepada dua kumpulan yang dikaji iaitu kumpulan pelajar sangat aktif dan kumpulan pelajar aktif.

4.2 MAKLUMAT DISKRIPITIF

4.2.1 Jantina

Jadual 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	128	64
Perempuan	72	36
Jumlah	200	100%

Jadual 4.1 menunjukkan daripada seramai 200 orang responden, 128 responden (64%) adalah lelaki dan 72 responden (36%) adalah perempuan. Ini adalah taburan yang seimbang kerana populasi adalah lebih ramai di kalangan lelaki berbanding dengan perempuan. Oleh itu wajaran yang lebih untuk pelajar lelaki adalah perlu untuk menggambarkan populasi sebenar.

4.2.2 Bangsa

Jadual 4.2 : Taburan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan	Peratusan
Melayu	99	49.0
Cina	71	35.5
India	21	10.5
Lain-lain	9	4.5
Jumlah	200	100%

Jadual 4.2 menunjukkan daripada seramai 200 orang responden, 99 responden (49.5 %) kaum Melayu, 71 responden (35.5 %) kaum Cina, 21 responden (10.5 %) kaum India dan 9 responden (4.5 %) kaum Siam. Ini menunjukkan responden terdiri daripada berbilang kaum sesuai dengan populasi sebenar.

4.2.3 Tinggal Di Asrama

Jadual 4.3 : Taburan Responden Yang Pernah Tinggal Di Asrama

Tinggal di asrama	Bilangan	Peratusan
Pernah	36	18
Tidak Pernah	164	82
Jumlah	200	100%

Jadual 4.3 menunjukkan daripada seramai 200 orang responden, 36 responden (18%) pernah tinggal di asrama manakala 164 responden (82%) tidak pernah tinggal di asrama. Oleh itu kemungkinan pengalaman tinggal di asrama dikatakan sebagai faktor penentu utama dalam membina daya kepimpinan pelajar tidak timbul kerana hanya 18% sahaja sampel ini pernah tinggal dan majoriti (82%) adalah tidak pernah tinggal di asrama.

4.2.4 Menghadiri Kursus

Jadual 4.4 : Taburan Responden Yang Pernah Menghadiri Kursus

Hadiri Kursus	Bilangan	Peratusan
Pernah	130	65
Tidak Pernah	70	35
Jumlah	200	100%

Jadual 4.4 menunjukkan daripada 200 orang responden, 130 responden (65%) pernah menghadiri kursus manakala 70 responden (35%) tidak pernah menghadiri kursus. Kemungkinan pengalaman mengikuti kursus diambilkira sebagai salah satu faktor penentu dalam membina daya kepimpinan pelajar dapat diterima kerana 65% responden didapati pernah menghadiri kursus. Ini tidak menimbulkan

apa-apa keraguan yang serius kerana kursus-kursus yang diikuti oleh responden merupakan aktiviti persatuan atau yang dianjurkan oleh pihak pentadbiran sekolah ini. Oleh itu pengalaman menghadiri kursus sebenarnya juga merupakan faktor penting dalam menentukan tahap penglibatan responden dalam kegiatan kokurikulum.

4.2.5 Jumlah Persatuan

Jadual 4.5 : Taburan Responden Mengikut Jumlah Persatuan Yang Dianggotai

Jumlah Persatuan	Bilangan	Peratusan
0	5	2.5
1	28	14.0
2	52	26.0
3 dan lebih	115	57.5
Jumlah	200	100%

Jadual 4.5 menunjukkan daripada seramai 200 orang responden, 5 responden (2.5%) tidak menganggotai mana-mana persatuan, 28 responden (14%) menganggotai satu persatuan, 52 responden (26%) menganggotai 2 persatuan dan 115 responden (57.5%) menganggotai 3 dan lebih persatuan. Daripada jadual menunjukkan ramai pelajar yang menganggotai 3 dan lebih persatuan yang terdapat di sekolah ini. Ini menunjukkan responden-responden adalah di kalangan

pelajar-pelajar yang bergiat cergas dalam kegiatan kokurikulum di sekolah ini.

4.2.6 Pasukan Seragam

Jadual 4.6 : Taburan Responden Mengikut Jumlah Pasukan Seragam Yang Dianggotai

Jumlah Pasukan	Bilangan	Peratusan
0	80	40.0
1	115	57.5
2	5	2.5
Jumlah	200	100%

Jadual 4.6 menunjukkan daripada seramai 200 orang responden, 80 responden (40%) tidak menganggotai mana-mana pasukan seragam, 115 responden (57.5%) menganggotai satu pasukan seragam dan 5 responden (2.5%) menganggotai 2 pasukan seragam. Ini menunjukkan majoriti responden menganggotai sekurang-kurangnya satu pasukan seragam dan tidak ramai menganggotai lebih daripada satu pasukan seragam.

4.2.7 Sukan

Jadual 4.7 : Taburan Responden Mengikut Jumlah Kegiatan Sukan Yang Dianggotai

Jumlah Kegiatan Sukan	Bilangan	Peratusan
0	70	35.0
1	92	46.0
2	19	9.5
3 dan lebih	19	9.5
Jumlah	200	100%

Jadual 4.7 menunjukkan daripada seramai 200 orang responden, 70 responden (35%) tidak menganggotai apa-apa kegiatan sukan, 92 responden (46%) menganggotai satu kegiatan sukan, 19 responden (9.5%) menganggotai 2 kegiatan sukan dan 19 responden (9.5%) menganggotai 3 dan lebih kegiatan sukan. Ini menunjukkan majoriti responden menganggotai satu kegiatan sukan dan ramai juga responden tidak menganggotai mana-mana kegiatan sukan.

Berikutnya pengkaji menganalisis responden-responden mengikut kumpulan sangat aktif dan aktif untuk melihat kekerapan setiap kumpulan dari segi jantina, bangsa, pernah tinggal di asrama, menghadiri kursus, jumlah persatuan, jumlah pasukan seragam dan jumlah kegiatan sukan yang dianggotai.

4.2.8 Jantina

Jadual 4.8 : Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Aktif Mengikut Jantina.

Jantina	Sangat Aktif		Aktif		Jumlah	Peratusan
	Bil	%	Bil	%		
Lelaki	63	63	64	64	127	63.5
Perempuan	37	37	36	36	63	31.5
Jumlah	100	100%	100	100%	200	100%

Jadual 4.8 menunjukkan daripada seramai 100 orang responden kumpulan sangat aktif, 63 responden (63%) adalah lelaki manakala 37 responden (37%) adalah perempuan.

Daripada 100 orang responden kumpulan aktif, 64 responden (64%) adalah lelaki manakala 36 responden (36%) adalah perempuan. Ini menunjukkan taburan responden untuk kedua-dua kumpulan adalah seimbang bagi mencerminkan populasi jantina di sekolah ini dan penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum.

4.2.9 Bangsa

Jadual 4.9 : Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Aktif Mengikut Bangsa

Bangsa	Sangat Aktif		Aktif		Jumlah	Peratusan
	Bil	%	Bil	%		
Melayu	49	49	50	50	99	49.5
Cina	31	31	40	40	71	35.5
India	15	15	6	6	21	10.5
Lain-lain	5	5	4	4	9	4.5
Jumlah	100	100%	100	100%	200	100%

Jadual 4.9 menunjukkan daripada 100 responden kumpulan sangat aktif, 49 responden (49%) berbangsa Melayu, 31 responden (31%) berbangsa Cina, 15 responden (15%) berbangsa India dan 5 responden (5%) berbangsa Siam. Sementara bagi kumpulan aktif pula, daripada 100 responden, 50 responden (50%) berbangsa Melayu, 40 responden (40%) berbangsa Cina, 6 responden (6%) berbangsa India dan 4 responden (4%) berbangsa Siam.

4.2.10 Asrama

Jadual 4.10 : Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Kumpulan Aktif Mengikut Pengalaman Tinggal Di Asrama

Tinggal di Asrama	Sangat Aktif		Aktif		Jumlah	Peratusan
	Bil	%	Bil	%		
Tidak Pernah	85	85	79	79	164	82
Pernah	15	15	21	21	36	18
Jumlah	100	100%	100	100%	200	100%

Jadual 4.10 menunjukkan daripada 100 orang responden kumpulan sangat aktif, 85 responden (85%) tidak pernah tinggal di asrama dan 15 orang (15%) pernah tinggal di asrama. Bagi kumpulan aktif pula, daripada 100 orang responden, 79 responden (79%) didapati tidak pernah tinggal di asrama dan 21 orang (21%) pernah tinggal di asrama. Bagi kedua-dua kumpulan, jelas tidak ramai responden pernah tinggal di asrama. Bagi tujuan kajian ini, pengalaman tinggal di asrama tidak boleh dikatakan sebagai faktor utama dalam menentukan daya kepimpinan responden.

4.2.11 Kursus

Jadual 4.11 : Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif Dan Aktif Mengikut Pengalaman Menghadiri Kursus

Mengikuti Kursus	Sangat Aktif		Aktif		Jumlah	Peratusan
	Bil	%	Bil	%		
Tidak Pernah	24	24	46	46	70	35
Pernah	76	76	54	54	130	65
Jumlah	100	100%	100	100%	200	100%

Jadual 4.11 menunjukkan daripada 100 orang responden kumpulan sangat aktif, 24 responden (24%) tidak pernah mengikuti sebarang kursus dan 76 orang (76%) pernah mengikuti kursus. Bagi kumpulan pelajar aktif, 46 orang responden (46%) tidak pernah mengikuti sebarang kursus dan 54 orang (54%) pernah mengikuti kursus.

Majoriti responden pernah mengikuti kursus yang sedikit sebanyak mendatangkan kesan kepada daya kepimpinan responden. Kursus-kursus yang dianjurkan oleh persatuan atau pihak pentadbiran sekolah merupakan salah satu aktiviti kokurikulum di sekolah ini. Faktor ini tidak mengganggu malah menguatkan lagi dapatan kajian ini.

4.2.12 Persatuan

Jadual 4.12 : Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Aktif Mengikut Jumlah Persatuan Yang Dianggotai

Persatuan Dianggotai	Sangat Aktif		Aktif		Jumlah	Peratusan
	Bil	%	Bil	%		
0	1	1	4	4	5	2.5
1	8	8	20	20	28	14.0
2	17	17	35	35	52	26.0
3 dan lebih	74	74	41	41	115	57.5
Jumlah	100	100%	100	100%	200	100%

Jadual 4.12 menunjukkan daripada 100 orang responden kumpulan sangat aktif, seorang pelajar (1%) tidak menganggotai mana-mana persatuan, seramai 8 orang (8%) menganggotai satu persatuan, 17 orang (17%) menganggotai 2 persatuan dan 74 orang (74%) menganggotai 3 dan lebih persatuan. Manakala bagi kumpulan aktif pula, daripada 100 orang responden 4 orang (4%) tidak menganggotai mana-mana persatuan, 20 orang (20%) menganggotai satu persatuan, 35 orang (35%) menganggotai 2 persatuan dan 41 orang (41%) didapati menganggotai 3 dan lebih persatuan. Ini menunjukkan satu taburan yang agak tinggi bagi pelajar kumpulan sangat aktif melibatkan diri dalam pelbagai persatuan berbanding dengan kumpulan aktif.

4.2.13 Pasukan Seragam

Jadual 4.13 : Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Aktif Mengikut Jumlah Pasukan Seragam Yang Dianggotai

Pasukan Seragam Dianggotai	Sangat Aktif		Aktif		Jumlah	Peratusan
	Bil	%	Bil	%		
0	22	22	58	58	80	40.0
1	73	73	42	42	115	57.5
2	5	5	-	-	5	2.5
Jumlah	100	100%	100	100%	200	100%

Jadual 4.13 menunjukkan daripada 100 orang responden kumpulan sangat aktif, 22 orang (22%) tidak menganggotai mana-mana pasukan seragam, 73 orang (73%) menganggotai satu pasukan dan 5 orang (5%) menganggotai 2 pasukan seragam. Manakala bagi kumpulan aktif, 58 orang responden (58%) tidak menganggotai mana-mana pasukan seragam dan 42 orang (42%) menganggotai satu pasukan seragam.

Ini menunjukkan majoriti responden kumpulan sangat aktif menganggotai pasukan seragam yang merupakan salah satu kegiatan kokurikulum yang penting dalam membina daya kepimpinan pelajar.

4.2.14 Aktiviti Sukan

Jadual 4.14: Taburan Responden Kumpulan Sangat Aktif dan Aktif Mengikut Jumlah Penglibatan Dalam Aktiviti Sukan

Jumlah Sukan Dianggotai	Sangat Aktif		Aktif		Jumlah	Peratusan
	Bil	%	Bil	%		
0	16	16	54	54	70	35.0
1	58	58	34	34	92	46.0
2	12	12	7	7	19	9.5
3 dan lebih	14	14	5	5	19	9.5
Jumlah	100	100%	100	100%	200	100%

Jadual 4.14 menunjukkan daripada 100 orang pelajar kumpulan sangat aktif, 16 responden (16%) tidak melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti sukan, 58 orang (58%) menyertai satu aktiviti sukan, 12 orang (12%) menyertai 2 aktiviti sukan dan 14 orang (14%) menyertai 3 dan lebih aktiviti sukan. Manakala bagi kumpulan pelajar aktif, 54 responden (54%) tidak menyertai mana-mana aktiviti sukan, 34 responden (34%) menyertai satu aktiviti sukan, 7 orang (7%) menyertai 2 aktiviti sukan dan 5 responden (5%) melibatkan diri dalam 3 dan lebih aktiviti sukan.

4.3 MAKLUMAT INFRENSI : Skor Min

Pengkaji menggunakan Skala Skor Min berikut bagi menentukan tahap-tahap skor dalam min bagi pembolehubah-pembolehubah.

Jadual 4.15 : Skala Skor Min Bagi Pembolehubah

Nilai	Tahap
1.0 - 1.9	Amat rendah
2.0 - 2.9	Sangat rendah
3.0 - 3.4	Sederhana
3.5 - 3.9	Tinggi
4.0 - 4.4	Sangat tinggi
4.5 - 5.0	Amat tinggi

4.3.1 Kekekapan Skor Min Pembolehubah-Pembolehubah

4.3.1.1 Tahap Penglibatan

Jadual 4.16 : Kekekapan Skor Min Tahap Penglibatan dalam kokurikulum (Pembolehubah Bebas) Bagi Keseluruhan Sampel

Nilai Skor	Bil.	Peratusan
1.925 - 1.950	2	1
2.000 - 2.900	98	49
3.400 - 3.475	8	4
3.500 - 3.975	86	43
4.000 - 4.200	6	3
Jumlah	200	100%

Jadual 4.16 menunjukkan daripada 200 orang responden, 100 responden (50%) berada pada nilai skor rendah, 8 responden (4%) sederhana, 86 responden (43%) pada nilai tinggi dan 6 responden (3%) nilai sangat tinggi. Ini menunjukkan nilai skor min rendah dan tinggi adalah seimbang (lebih kurang 50%) tiap-tiap satunya.

4.3.1.2 Daya Kepimpinan

Jadual 4.17 : Kekerapan Skor Min Daya Kepimpinan (Pembolehubah Ber-sandar) Keseluruhan Sampel

Nilai Skor	Bil.	Peratusan
1.45 - 1.95	66	33.0
2.00 - 2.45	33	16.5
3.15	1	0.5
3.75 - 3.95	6	3.0
4.05 - 4.95	94	47.0
Jumlah	200	100%

Jadual 4.17 menunjukkan daripada 200 orang responden, 99 responden (49.5%) berada pada nilai skor min yang rendah, satu responden (0.5%) pada nilai yang sederhana, 6 responden (3%) pada nilai yang tinggi dan 94 responden (47%) pada nilai sangat tinggi. Ini menunjukkan nilai skor min rendah dan tinggi adalah seimbang (50%) tiap-tiap satunya.

4.3.2 **Kekerapan Skor Min Pembolehubah-Pembolehubah Mengikut Kumpulan**

4.3.2.1 **Tahap Penglibatan Dalam Kokurikulum Kumpulan Sangat Aktif**

Jadual 4.18 : Kekerapan Skor Min Tahap Penglibatan Dalam Kokurikulum Kumpulan Sangat Aktif

Nilai Skor	Bil.	Peratusan
3.400 - 3.475	8	8
3.500 - 3.975	86	86
4.000 - 4.200	6	6
Jumlah	100	100%

Jadual 4.18 menunjukkan daripada 100 orang responden, 8 responden (8%) berada pada nilai skor sederhana, 86 responden (86%) berada pada nilai skor tinggi dan 6 responden (6%) berada pada nilai skor sangat tinggi. Ini menunjukkan bagi kumpulan sangat aktif kesemua responden mempunyai tahap penglibatan yang tinggi dalam kegiatan kokurikulum.

4.3.2.2 Tahap Penglibatan Dalam Kokurikulum Kumpulan Aktif

Jadual 4.19 : Kekekapan Skor Min Tahap Penglibatan Dalam Kokurikulum Kumpulan Aktif

Nilai Skor	Bil.	Peratusan
1.925 - 1.950	2	2
2.000 - 2.850	98	98
Jumlah	100	100%

Jadual 4.19 menunjukkan daripada 100 orang responden 2 orang (2%) berada pada nilai skor amat rendah manakala 98 orang (98%) pada nilai sangat rendah. Ini menunjukkan kesemua responden mempunyai tahap penglibatan yang rendah dalam kegiatan kokurikulum.

4.3.2.3 Daya Kepimpinan Kumpulan Sangat Aktif

Jadual 4.20 : Kekerapan Skor Min Bagi Daya Kepimpinan (Pembolehubah Ber-sandar) Kumpulan Sangat Aktif

Nilai Skor	Bil.	Peratusan
3.75 - 3.95	6	6
4.05 - 4.45	46	46
4.50 - 4.95	48	48
Jumlah	100	100%

Jadual 4.20 menunjukkan kesemua responden berada pada nilai skor yang tinggi. Daripada 100 orang responden, 6 responden (6%) berada pada nilai skor tinggi, 46 responden (46%) pada nilai skor sangat tinggi dan 48 responden (48%) pada nilai yang amat tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa daya kepimpinan pelajar kumpulan sangat aktif ini adalah tinggi.

4.3.2.4 Daya Kepimpinan Kumpulan Aktif

Jadual 4.21 : Kekerapan Skor Min Bagi Daya Kepimpinan (Pembolehubah Bersandar) Kumpulan Aktif

Nilai Skor	Bil.	Peratusan
1.45 - 1.95	66	66
2.00 - 2.45	33	33
3.15	1	1
Jumlah	100	100%

Jadual 4.21 menunjukkan daripada 100 orang responden, 66 responden (66%) berada pada nilai skor amat rendah, 33 responden (33%) pada nilai sangat rendah dan satu responden (1%) pada nilai sederhana. Ini dapat memberikan gambaran bahawa daya kepimpinan pelajar kumpulan aktif ini adalah rendah.

4.4 MAKLUMAT INFRENSI : Pengujian Hipotesis

4.4.1 Ujian - t Tahap Penglibatan Dalam Kokurikulum

Ujian - t bagi melihat perbezaan tahap penglibatan pelajar mengikut kumpulan sangat aktif dan aktif.

Jadual 4.22 : Keputusan Ujian - t Bagi Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Kokurikulum (Pembolehubah Bebas)

Kumpulan n	Min	S.D	df	t	p	2-tail	sig.
Sangat Aktif	100	3.7463	0.173	198	52.87	0.406	0.0000
Aktif	100	2.3772	0.173	-	-	-	-

Hipotesis Null : Tidak terdapat perbezaan dalam tahap penglibatan aktiviti kokurikulum di antara pelajar kumpulan sangat aktif dengan kumpulan aktif.

Hipotesis Alternatif : Ada perbezaan dalam tahap penglibatan aktiviti kokurikulum di antara pelajar kumpulan sangat aktif dengan kumpulan aktif.

Merujuk kepada jadual 4.22, nilai t yang ditunjukkan 52.87 pada paras p equal (0.406) ialah $0.000 = p < 0.05$. Oleh itu data boleh menolak hipotesis null dan menerima hipotesis alternatif. Ini bermakna data berjaya menunjukkan terdapat perbezaan dalam tahap penglibatan

aktiviti kokurikulum di antara pelajar kategori sangat aktif dengan kategori aktif.

Nilai min bagi kumpulan pelajar sangat aktif adalah tinggi (3.7463) berbanding dengan kumpulan pelajar aktif yang nilai minnya sangat rendah (2.3772). Ini memperkukuhkan lagi kenyataan dapatan ujian-t bahawa terdapat perbezaan tahap penglibatan dalam kegiatan kokurikulum di antara kumpulan pelajar sangat aktif dengan kumpulan pelajar aktif.

4.4.2 Ujian - t Daya Kepimpinan Pelajar

Ujian - t bagi melihat perbezaan dalam daya kepimpinan pelajar mengikut kumpulan sangat aktif dan kumpulan aktif.

Jadual 4.23 : Keputusan Ujian - t Bagi Daya Kepimpinan Pelajar (Pembolehubah Bebas)

Kumpulan n	Min	S.D	df	t	p	2-tail	sig.
Sangat Aktif	100	4.4255	0.240	198	34.19	0.206	0.0000
Aktif	100	1.9600	0.680	-	-	-	-

Hipotesis Null : Tidak terdapat perbezaan dalam daya kepimpinan di antara pelajar kumpulan sangat aktif dengan pelajar kumpulan aktif.

Hipotesis Alternatif : Ada perbezaan dalam tahap daya kepimpinan di antara pelajar kumpulan sangat aktif dengan pelajar kumpulan aktif.

Merujuk jadual 4.23, nilai t yang ditunjukkan 34.19 adalah signifikan pada paras p equal (0.206) ialah $0.000 = p < 0.05$. Oleh itu data boleh menolak hipotesis null dan menerima hipotesis alternatif. Ini bermakna data berjaya menunjukkan terdapat perbezaan dalam daya kepimpinan pelajar di antara pelajar kumpulan sangat aktif dengan kumpulan aktif.

Nilai min bagi kumpulan sangat aktif adalah sangat tinggi (4.4255) berbanding dengan kumpulan pelajar aktif yang nilai minnya sangat rendah (1.9600). Ini memperkukuhkan kenyataan dapatan ujian - t bahawa terdapat perbezaan daya kepimpinan pelajar di antara kumpulan sangat aktif dan kumpulan aktif.

4.4.3 Ujian Koefisien Korelasi Darab Momen Pearson Antara Tahap Penglibatan Dalam Kegiatan Kokurikulum Dengan Daya Kepimpinan Pelajar

Ujian korelasi ini bagi melihat bentuk hubungan yang wujud di antara tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dengan daya kepimpinan pelajar kumpulan sangat aktif dan kumpulan aktif.

Jadual 4.24 : Keputusan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson Antara Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum Dengan Daya Kepimpinan Pelajar

Koefisien	$r = 0.9535$ ***
Kes	(200)
Kebangkalian	$p = 0.000$
*Aras signifikan	$p < 0.05$
**Aras signifikan	$p < 0.01$
***Aras signifikan	$p < 0.001$

Hipotesis Null : Tiada perhubungan yang signifikan di antara tahap penglibatan dalam kegiatan kokurikulum dengan daya kepimpinan pelajar.

Hipotesis Alternatif : Ada perhubungan yang signifikan di antara tahap penglibatan dalam kegiatan kokurikulum dengan daya kepimpinan pelajar.

Keputusan ujian korelasi (Jadual 4.24) menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat ($r = 0.9535$) antara tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dengan daya kepimpinan pelajar. Jadual 4.24 menunjukkan ada hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan dalam kegiatan kokurikulum dengan daya kepimpinan pelajar pada aras keertian $p < 0.05$. Ini bermakna data boleh menolak hipotesis null dan menerima hipotesis alternatif. Ringkasnya dapat dirumuskan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum berupaya membina daya kepimpinan pelajar.

Kesimpulannya, dapatan daripada kajian ini telah membuktikan bahawa kegiatan kokurikulum boleh digunakan sebagai alat untuk membentuk warganegara yang matang fikiran dan sihat tubuh badan serta berupaya melahirkan pemimpin yang berwibawa. Keraguan terhadap keupayaan kegiatan-kegiatan ini perlu dikikis dan masyarakat umum perlu memberikan kerjasama yang mantap untuk

meletakkan kegiatan kokurikulum di strata yang setanding dengan kepentingan akademik pelajar.

Hasil daripada soal selidik yang dijalankan, pengkaji dapat membuat rumusan tentang hipotesis-hipotesis. Pelajar-pelajar telah memberikan maklumbalas yang mengesahkan penglibatan dalam kegiatan kokurikulum dapat memupuk daya kepimpinan di kalangan pelajar. Analisis sikap pelajar-pelajar terhadap aktiviti kokurikulum menunjukkan kumpulan pelajar sangat aktif lebih berfikiran terbuka dan menyertai kegiatan kokurikulum bukan kerana terpaksa tetapi atas kesedaran pentingnya penglibatan tersebut untuk melengkapkan diri bagi bekalan setelah keluar dari alam persekolahan kelak.

BAB V

IMPLIKASI KAJIAN, KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini mengandung empat bahagian iaitu, implikasi kajian, kesimpulan, cadangan untuk kajian akan datang dan penutup.

5.2 IMPLIKASI KAJIAN

Dalam kajian ini, penglibatan pelajar dalam kokurikulum merupakan penyebab, manakala daya kepimpinan yang terbentuk merupakan kesan. Oleh itu, implikasi kajian ini akan memperlihatkan kesan daripada penglibatan dalam kokurikulum oleh pelajar ke atas ciri-ciri kepimpinan yang mungkin wujud.

i) **Personaliti Pelajar**

Penglibatan secara aktif dalam kokurikulum menjadikan pelajar lebih bertanggungjawab. Sifat-sifat terpuji seperti sifat bertolak ansur, jiwa yang kuat dengan fikiran yang lebih terbuka juga akan turut terbentuk. Pelajar-pelajar ini juga didapati berfikiran cerdas, berupaya mengawal diri dan membuat keputusan tentang sesuatu permasalahan dengan rasional dan mempunyai cita-cita serta imej diri yang baik (Mohd Nor, 1982:45-46).

ii) **Akademik:**

Apabila kokurikulum berjaya diintegrasikan dengan matapelajaran yang dipelajari di dalam bilik darjah, pelajar akan cepat memahami pelajaran yang dipelajari. Minat terhadap pelajaran akan bertambah dan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam suasana yang lebih memberangsangkan.

Kenyataan ini jelas sependapat dengan Abu Bakar Nordin (1991) yang mengatakan bahawa pengetahuan yang didapati daripada pelajaran akademik di bilik darjah boleh diintegrasikan dalam aktiviti praktikal semasa gerakkerja kokurikulum. Pengalaman begini akan meluaskan

pandangan, pengetahuan serta kefahaman pelajar dalam suasana yang lebih bermakna, riang dan menyeronokkan.

iii) **Sosial:**

Pelajar tidak akan mudah terlibat dalam kegiatan tidak sihat dan berkeupayaan untuk merancang penggunaan masa dengan baik. Disiplin diri yang kuat akan menjauhkan mereka daripada tabiat laku musnah (vandalism). Ini akan meningkatkan imej pelajar dan institusi pendidikan.

5.3 **KESIMPULAN**

Kajian ini bertujuan meninjau tahap penglibatan pelajar-pelajar dalam kokurikulum di sekolah dan sejauhmana penglibatan ini dapat menyemai daya kepimpinan pelajar. Dalam kajian ini, responden-responden telah dibahagikan kepada kumpulan pelajar sangat aktif dan kumpulan pelajar aktif.

Tinjauan ini dibuat untuk melihat perbezaan tahap penglibatan pelajar dalam kokurikulum dan daya kepimpinan pelajar mengikut dua kumpulan tersebut. Hubungan antara tahap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan daya

kepimpinan turut dianalisa untuk mendapatkan satu gambaran tentang bentuk sumbangan yang berupaya diperolehi apabila bergiat dalam aktiviti kokurikulum. Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk membuktikan:

- 1) Sama ada wujudnya perbezaan tentang tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di antara pelajar kumpulan sangat aktif dengan kumpulan pelajar aktif.
- 2) Sama ada wujudnya perbezaan tentang tahap daya kepimpinan di antara pelajar kumpulan sangat aktif dengan kumpulan pelajar aktif.
- 3) Sama ada wujud perhubungan yang signifikan di antara tahap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dengan daya kepimpinan pelajar.

Dapatan ujian yang diperolehi terbatas kepada pelajar tingkatan 4 dan 6 Rendah Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar Kedah Darul Aman yang mewakili populasi dan dipilih secara rawak. Oleh itu generalisasi berkaitan dengan perbezaan dan hubungan yang berjaya dibuktikan tidak mencerminkan keadaan sebenar untuk semua pelajar tingkatan 4 dan 6 Rendah bagi sekolah ini dan sekolah-sekolah lain di daerah-daerah dan negeri ini. Namun ia boleh dijadikan asas bagi menunjukkan keadaan pelajar

sekolah ini dan di sekolah-sekolah lain. Keputusan kajian ini menghasilkan kesimpulan seperti berikut:

- 1) Dapatan kajian melalui ujian - t menunjukkan pelajar dari kumpulan sangat aktif mempunyai satu corak tahap penglibatan dalam kokurikulum yang berbeza daripada kumpulan pelajar aktif. Pengkaji mengkategorikan pelajar dalam kumpulan sangat aktif bagi pelajar-pelajar yang memegang sekurang-kurangnya 2 jawatan penting dalam kegiatan kokurikulum. Pelajar dalam kumpulan ini didapati berupaya melihat kebaikan dan manfaat yang boleh diperolehi daripada aktiviti kokurikulum. Oleh itu, sikap mereka terhadap kokurikulum adalah bersifat positif.

Kumpulan pelajar yang aktif dikategori sedemikian kerana tidak memegang apa-apa jawatan penting dalam kokurikulum dan didapati mereka kurang merasai kebaikan dan manfaat dengan bergiat aktif dalam kokurikulum. Oleh itu, sikap kumpulan ini terhadap kokurikulum adalah lebih cenderung kepada negatif.

Kenyataan di atas adalah selaras dengan dapatan oleh Mohamed Nor (1982), yang menegaskan bahawa mereka yang bergiat secara aktif dalam sukan akan berjaya menunjukkan penyesuaian yang lebih baik

dalam hal-hal yang melibatkan kesehatan, perkembangan fizikal, aktiviti sosial dan permainan berbanding dengan mereka yang tidak aktif dalam sukan.

Menurut Adnan (1988), penglibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti persatuan berupaya mengubah sikap pelajar yang negatif kepada sikap yang positif dan mempengaruhi pelajar-pelajar untuk menilai semula mengenai kebaikan dan kelemahan dirinya sendiri. Ini jelas menunjukkan pelajar yang melibatkan diri dalam persatuan akan lebih bersikap terbuka dan positif terhadap kokurikulum berbanding dengan golongan yang menyertai program kokurikulum secara ala kadar sahaja.

- 2) Dapatan kajian ujian - t seterusnya menunjukkan pelajar dari kumpulan sangat aktif mempunyai lebih keupayaan untuk memimpin berbanding dengan kumpulan pelajar aktif. Pelajar yang sangat aktif dalam kokurikulum apabila dipilih untuk memimpin dalam persatuan, pasukan seragam atau kegiatan sukan didapati berjaya membentuk nilai-nilai positif dalam diri mereka. Keupayaan memilih dan memupuk nilai-nilai positif ini adalah selaras dengan pembentukan insan seimbang dan bersahsiah mulia.

Kenyataan di atas disokong oleh Ab. Alim Abdul Rahim (1994), yang berpendapat kepimpinan dapat dilatih melalui aktiviti kokurikulum yang mempunyai struktur kepimpinan yang tersendiri bermula daripada pengerusi atau ketua sehingga kepada ahli biasa. Struktur kepimpinan yang terdapat dalam kegiatan kokurikulum meletakkan pelajar-pelajar dalam strata kepimpinan yang berbeza-beza. Pelajar-pelajar yang memegang jawatan penting dalam persatuan akan mendapat pendedahan yang lebih tentang bagaimana hendak memimpin dan mempelajari ciri-ciri kepimpinan berbanding dengan pelajar-pelajar yang sekadar menjadi ahli biasa. Turut menyokong dapatan ini ialah Shahril dan Khathijah (1991) yang berpendapat, seseorang yang ingin melatih diri menjadi pemimpin, mereka perlu melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum yang antara lain, akan memberi peluang kepada pelajar tersebut untuk memperoleh kemahiran-kemahiran sikap dan kebolehan bertindak apabila menghadapi sesuatu masalah.

Salmah Hj. Ayob (1992), dalam kajiannya turut menyokong bahawa keupayaan memimpin di kalangan pelajar dapat dipupuk melalui rancangan kokurikulum. Pemimpin pelajar yang mengutamakan pandangan-pandangan serta perasaan ahli-ahli kumpulan sebelum

melaksanakan sesuatu rancangan juga akan membolehkan pemimpin tersebut memimpin rakan-rakan pelajar lain dan masyarakat luar.

- 3) Dapatan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat antara tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dengan menyemai sifat-sifat kepimpinan dalam diri pelajar. Dapatan ini searah sealiran dengan dapatan Adnan (1988) yang mendapati kegiatan persatuan sebagai faktor penting mempengaruhi personaliti remaja. Semakin aktif remaja itu dalam kegiatan kokurikulum, maka semakin ia berpersonaliti. Selanjutnya dalam dapatannya juga Adnan mendapati kegiatan sukan dapat memperkembangkan semangat kesetiaan kepada kumpulan dan memupuk semangat tolong-menolong untuk kejayaan bersama.

5.4 CADANGAN UNTUK KAJIAN AKAN DATANG

Dapatan kajian seperti yang dibincangkan dalam bahagian-bahagian sebelum ini telah menjelaskan mengenai hubungan tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dengan daya kepimpinan yang terbina dalam diri mereka. Terbukti bahawa pelajar yang sangat aktif dalam kegiatan kokurikulum adalah pelajar-pelajar yang mempunyai kecenderungan yang

tinggi untuk memimpin, sama ada diri mereka sendiri, mahupun rakan-rakan lain dalam persatuan yang dianggotai. Oleh itu, usaha untuk menarik minat pelajar untuk melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum perlu diperkuatkan dan dipertingkatkan lagi.

Cadangan-cadangan di bawah disyorkan untuk dilaksanakan dan juga boleh dijadikan dasar pelaksanaan bagi kajian-kajian selanjutnya.

- 1) Kajian ini dilakukan pada populasi yang agak terhad, iaitu di sebuah sekolah di daerah Kota Setar. Permulaan dari satu populasi yang kecil ini adalah untuk mengelakkan pembaziran. Lagipun hasil dapatan kajian ini tidak dapat dipastikan sebelum ini. Setelah kajian ini selesai, didapati dapatan adalah memberikan satu pandangan yang selari dengan tanggapan pengkaji. Oleh itu kajian ini bolehlah dilanjutkan lagi pada populasi yang lebih luas sama ada di peringkat daerah mahupun di peringkat negeri.
- 2) Kajian tentang tahap penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ini hanya melibatkan aspek-aspek yang terhad. Menyedari peranan yang lebih besar boleh dimainkan oleh kegiatan kokurikulum, maka adalah disyorkan kajian lanjutan dibuat untuk mendapatkan lebih

banyak pengetahuan baru. Kajian ini boleh mencakupi pelbagai aspek seperti membandingkan sikap pelajar terhadap kegiatan kokurikulum di antara pelajar sekolah menengah di bandar dan di luar bandar atau meluaskan kawasan kajian untuk melihat sikap pelajar terhadap kegiatan kokurikulum di seluruh negara. Oleh sebab faktor yang mempengaruhi pelajar melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum adalah terlalu banyak, perlu diadakan kajian-kajian lain untuk memastikan faktor-faktor yang paling dominan menarik atau menolak minat pelajar untuk melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum.

- 3) Ibu bapa harus memikul tanggungjawab yang berat dalam mendidik anak supaya dapat memupuk sikap yang baik dan positif di dalam diri anak mereka. Ibu bapa harus menggalakkan anak-anak untuk melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kokurikulum. Ibu bapa harus sentiasa memberikan motivasi dan ganjaran kepada anak-anak, kerap kali ganjaran berbentuk kewangan dan kebendaan diberikan apabila pelajar berjaya dalam bidang akademik. Keadaan yang sama boleh juga dilakukan oleh ibu bapa bagi mendorong anak-anak mereka melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kokurikulum. Ini

mbolehkan mereka meletakkan cita-cita yang tinggi untuk menempa sesuatu yang cemerlang semasa beraktiviti.

- 4) Ibu bapa harus mengelakkan diri daripada memaksa anak memilih persatuan atau pertubuhan badan beruniform dan jenis-jenis sukan mengikut kehendak dan minat ibu bapa. Berikanlah kebebasan kepada anak-anak untuk menentukan pilihan sendiri berdasarkan minat dan keupayaan yang ada dalam diri mereka. Tugas ibu bapa dalam menentukan pilihan tersebut memadai dengan bimbingan dan nasihat-nasihat yang sewajarnya. Ini kerana, sekiranya tidak dipaksa untuk melakukan sesuatu, anak-anak akan melakukan dengan rasa rela hati dan tidak berasa dibebankan dengan bebanan yang tidak dapat ditolak sama sekali.

- 5) Guru harus melengkapkan diri dengan keupayaan yang lebih baik dan penuh kreatif dalam aspek mengendali, menasihati dan menunjuk ajar pelajar untuk bergiat dalam aktiviti kokurikulum secara lebih berkesan dan menyeronokkan. Lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang berkaitan dengan persatuan atau pertubuhan boleh memperkukuhkan lagi pemahaman dan memupuk minat pelajar terhadap realiti keadaan hidup bermasyarakat sebenar. Sikap yang

positif boleh dipupuk sekiranya mereka tahu menyalurkan minat dan berpandangan jauh termasuk bagi menghadapi zaman selepas persekolahan.

Kegiatan kokurikulum tidak akan terhenti di peringkat sekolah malahan akan diteruskan sehingga dewasa; sebagai contoh dengan menganggotai persatuan sukarelawan bagi kadet polis dan badan-badan amal lain yang seumpamanya.

- 6) Guru penasihat persatuan harus melatih pelajar-pelajar untuk menggerakkan persatuan secara lebih kreatif. Misalnya, pengendalian mesyuarat, kaedah menulis surat, menganalisis rekod-rekod kewangan dan lain-lain harus diajar dan didedahkan. Ini akan menjadikan aktiviti dalam persatuan lebih bermakna dan menghampiri kenyataan sebenar apabila pelajar mula bekerja dan terpaksa melaksanakan kerja-kerja rutin yang seumpama itu. Pendekatan ini juga akan membantu mengembangkan penaaakulan yang analitikal dan perancangan yang lebih membina.

- 8) Pihak Kementerian Pendidikan harus merancang kursus-kursus tentang kaedah mengurus persatuan untuk guru-guru melalui seminar harian atau mingguan supaya guru-guru dapat memahami tugas sebenar mereka sebagai penyelarass atau penasihat persatuan. Langkah ini akhirnya boleh menyumbang kepada keberkesanan pihak guru dalam melaksanakan tugas sebagai guru penasihat persatuan yang berkesan dengan arah tuju yang betul.
- 9) Harus diwujudkan pertimbangan yang istimewa kepada calon-calon yang mempunyai kejayaan dalam bidang kokurikulum. Kriteria-kriteria ini wajar diambilkira oleh pihak Unit Pusat Universiti atau pihak yang membuat pemilihan semasa menimbangkan permohonan pelajar untuk melanjutkan pelajaran. Pihak majikan juga harus mengambilkira perkara ini semasa menawarkan sesuatu jawatan kepada pemohon.
- 10) Kementerian Pendidikan perlu mengimbangi antara gerakerja kokurikulum dengan pelajaran akademik di sekolah. Kedua-duanya adalah proses pendidikan yang saling melengkapi. Dalam melakukan penilaian terhadap pelajar, perlu diteliti juga penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum.

- 11) Pihak sekolah patut berusaha melibatkan para pelajar daripada pelbagai kaum dalam gerakkerja kokurikulum untuk pemupukan semangat perpaduan. Persatuan atau pertubuhan yang boleh memisahkan pelajar mengikut etnik-etnik tertentu perlu dihapuskan. Oleh itu, kegiatan kokurikulum harus dicorakkan semula oleh pihak sekolah untuk menghapuskan benteng-benteng yang boleh menggagalkan usaha pembentukan perpaduan masyarakat melalui integrasi sosial. Pemasalahan ini boleh diatasi dengan penetapan syarat-syarat keahlian misalnya dengan mensyaratkan tiap-tiap persatuan yang ingin digerakkan mesti melibatkan ahli-ahli dari pelbagai keturunan etnik.

5.5 **PENUTUP**

Kesimpulannya, keadaan yang membolehkan pelajar membina daya kepimpinan dalam diri mereka dipengaruhi oleh tahap penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum. Tahap penglibatan inilah yang akan membentuk sikap yang mempunyai kualiti-kualiti penting sebagai seorang pemimpin. Berdasarkan kajian jelas terbukti bahawa sifat-sifat seorang pemimpin itu dapat dipupuk melalui latihan dan pendedahan kepada pengalaman-pengalaman dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.

Melalui kokurikulum telah terbukti dapat mendedahkan pelajar kepada pengetahuan yang tidak terdapat di bilik darjah. Bergiat dalam aktiviti kokurikulum dapat memberikan pengalaman tentang kehidupan sebenar kepada pelajar. Pengetahuan dan pengalaman hidup yang diperkenalkan kepada pelajar melalui teori-teori dalam bilik darjah semata-mata tidak berupaya direalisasikan dengan baik untuk mereka berinteraksi di alam kehidupan sebenar setelah mengakhiri zaman persekolahan kelak. Tegasnya, kegiatan kokurikulum merupakan satu kaedah bagi membentuk pemikiran pelajar ke arah lebih matang.

Insan yang matang fikiran dapat mengawal diri sendiri dan tidak pula mustahil dapat terus dibentuk menjadi pemimpin yang berwibawa. Rancangan-rancangan kokurikulum yang dibentuk oleh Kementerian Pendidikan sememangnya telah menggariskan beberapa matlamat yang ingin dicapai. Antara yang terunggul ialah; melahirkan anak-anak didik yang berilmu arah kejayaan dan berkemahiran membentuk perhubungan yang harmoni di kalangan masyarakat berbilang kaum yang terdapat di negara kita ini. Matlamat ini berupaya dicapai melalui program-program kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah yang terancang dan beroperasi dengan sistematik.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Alim Abdul Rahman, **Pengurusan Kokurikulum**, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1994.
- Abu Bakar Nordin, **Kurikulum Perspektif dan Pelaksanaan**, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1991.
- Adnan Hj. Sharif, **Pengaruh Jantina, Jenis Sekolah dan Kegiatan Kokurikulum Terhadap Personaliti Remaja yang Terbentuk Oleh Rakan Sebaya : Kajian Kes Di Antara Sekolah Asrama Penuh Dengan Sekolah Biasa Di Daerah Hilir Perak**, Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988.
- Al. Ramaiah, **Kepimpinan Pendidikan : Cabaran Masa Kini**, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd., 1992.
- Aminuddin Mohd. Yusof, **Kepimpinan : Siri Analisis Psikologi**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Asiah Abu Samah, **Kokurikulum dalam Pendidikan Di Malaysia**, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Mengenai Kokurikulum, Jitra: Universiti Utara Malaysia, 1985.
- Che Wan Mohd Amil b. Che Wan Sulaiman, **Sikap Pelajar-Pelajar Luar Bandar Terhadap Kegiatan Kokurikulum Sekolah : Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kerdau, Temerloh, Pahang Darul Makmur**, Kajian Ilmiah Unit Bimbingan dan Kaunselling, Institut Perguruan Darulaman, Jitra, Kedah Darulaman, 1991.
- F. Green, Madeleine, **Leaders for a New Era : Strategies for Higher Education**, New York: Mc. Millan Publishing Company, 1988.
- Handel, Randy Michael, **The Contributions of Intercollegiate Athletic Participation on Student Leadership Development (Student - Athletes)**, Dissertation Abstracts, The University of Wisconsin, Madison, 1993.
- Hussien Hj. Ahmad, **Pendidikan dan Masyarakat : Antara Dasar, Informasi dan Wawasan**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

- Hussein Mahmood, **Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Ibrahim Saad, **Isu Pendidikan Di Malaysia**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- Jee. K.M., **Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik : Satu Kajian Kes Di Sebuah Sekolah Di Bandar Kajang**, Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988.
- Koontz, Harold dan Heinz Weirich, **Pengurusan**, diterjemah oleh Mohd Salmi Mohd Sohod dan Siti Nazdrah Sheikh Omar, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Kuek Sook Seem, **Kajian Mengenai Pertalian di antara Penglibatan dalam Kegiatan Kokurikulum dengan Perkembangan Personaliti Murid**, Kajian Ilmiah Fakulti Sains Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1989.
- Marimuthu T., **Pengenalan Sosiologi Pendidikan**, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1994.
- Mohamed Nor Che Noh, **A Study On the Effect of Participation In Sport and Some Socio-psychological Variables On Adjustments and Academic Achievement**, Kajian Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1982.
- Mohd. Majid Konting, **Kaedah Penyelidikan Pendidikan**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Mohd. Nordin Hj. Mohd. Nasir, **Kegiatan Kokurikulum Di Sekolah Membantu Menyemai dan Menyuburkan Daya Kepimpinan Di Kalangan Pelajar : Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Raja Muda Musa, Kuala Kangsar, Perak**, Kajian Ilmiah Jabatan Bimbingan dan Kaunselling, Maktab Perguruan Ilmu Khas. Kuala Lumpur, 1986.
- Quinn, Philip, **Student Leadership In Physical Education**, Dissertation Abstracts, University of Alberta, Canada, 1992.
- R. Achmad Rustandi, S.H., **Gaya Kepimpinan : Pendekatan Bakat Situasional**, Bandung: Armico, 1985.

- Raduwan Safperwan, Joseph Paul, Mustafa Mohamad, **KKM Latihan Untuk Jurulatih**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Razali Mat Zin, **Teori Kepimpinan dalam Pengurusan**, Siri Pengurusan Awam SEPA No.1, Sekolah Ekonomi dan Pentadbiran Awam, Universiti Utara Malaysia, September, 1982.
- Robiah Kulop Hamzah, **Remaja dan Kepimpinan Persatuan**, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Salmah Hj. Ayob, **Keberkesanan Rancangan Kokurikulum Universiti Sains Malaysia : Kajian Penyelidikan**, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1992.
- Shahrir Jamaluddin dan Khathijah Abdul Hamid, **Pembelajaran Melalui Proses Mengalami : Satu Tinjauan dalam Perspektif Pendidikan Bahasa Melayu**, Majalah Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Jld. 16, 1992.
- Smith, H. Wendell, **Elements of the Essay : A Reader for College Writers**, California: Wadsworth Publishing Company, 1979.
- Weiss, H., Carol, **Evaluation Research : Methods for Assessing Program Effectiveness**, New Jersey: Prentice Hall, Inc., Englewood Cliffs, 1972.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, **Pentadbiran Pendidikan**, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1990.
- Zainusham b. Yusof, **Sikap Guru Kakitangan Sumber dan Guru Bukan Kakitangan Sumber Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Tanggapan Mereka Terhadap Kursus Orientasi KBSM**, Kajian Ilmiah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1993.

LAMPIRAN

1	2	3

Ruangan ini tidak perlu diisi.

SOAL SELIDIK

KAJIAN MENGENAI PERHUBUNGAN DI ANTARA TAHAP PENGLIBATAN PELAJAR-PELAJAR MENENGAH ATAS DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM DENGAN TAHAP DAYA KEPIMPINAN.

=====

SOAL SELIDIK INI TERDIRI DARIPADA 4 BAHAGIAN, IAITU BAHAGIAN A (BUTIRAN DIRI), BAHAGIAN B (SIKAP TERHADAP KEGIATAN KOKURIKULUM), BAHAGIAN C (TAHAP PENGLIBATAN) DAN BAHAGIAN D (TAHAP KEPIMPINAN).

ARAHAN: JAWAB SEMUA SOALAN DI TIAP-TIAP BAHAGIAN (A,B,C & D) BACA TIAP-TIAP PERNYATAAN DENGAN TELITI KEMUDIAN JAWABLAH SECARA IKHLAS DAN JUJUR. JAWAPAN ANDA AKAN DIRAHSIAKAN.

- BAHAGIAN A: BUTIR-BUTIR DIRI ANDA (bulatkan kenyataan yang berkaitan dengan anda) [] 4
1. Tingkatan : (4) (6R) [] 5
 2. Jantina : (P) (L) [] 6
 3. Bangsa : (M) (C) (I) (L) [] 7
 4. Namakan kegiatan kokurikulum yang anda ceburi:
 - i. Persatuan : _____ [] 8

 - ii. Sukan/permainan : _____ [] 9

 - iii. Pasukan pakaian seragam : _____ [] 10

 5. Pekerjaan Bapa : (sendiri) (kerajaan) (swasta) [] 11
 6. Bilangan Adik beradik
 - a. Tunggal [] 12
 - b. 2 - 4 orang
 - c. 5 - 8 orang
 - d. 9 - 12 orang
 - e. 13 dan ke atas

Ruangan ini
tidak perlu
diisikan.

7. Anak ke berapa dalam keluarga :..... [] 13
8. Pendapatan Bapa : a. RM 350 ke bawah [] 14
(sebulan) b. RM 351 - RM 600
c. RM 501 - RM 750
d. RM 751 - RM 1000
e. RM 1000 ke atas
9. Tempat tinggal (rumah): a. bandar [] 15
b. Luar bandar
10. Sekolah terdahulu : a. bandar [] 16
b. luar bandar
11. Pernah tinggal di asrama: a. pernah [] 17
b. tidak pernah
12. Pernah menghadiri kursus yang dianjurkan oleh pihak
sekolah atau pihak-pihak tertentu:
a.pernah (nyatakan) -nama kursus..... [] 18
-tempoh(hari).....
-tempat.....
-penganjur.....
b. tidak pernah
- BAHAGIAN B: PERNYATAAN YANG DIRASAKAN SESUAI DENGAN DIRI [] 19
ANDA HENDAKLAH DIJAWAB DENGAN MEMBULATKAN SATU
DARIPADA NOMBOR-NOMBOR BERIKUT:
- SANGAT SETUJU - 1
SETUJU - 2
KURANG SETUJU - 3
TIDAK SETUJU - 4
SANGAT TIDAK SETUJU - 5
1. Dengan menyertai kokurikulum
saya dapat memperbaiki keyakinan diri 1 2 3 4 5 [] 20
2. Fikiran saya lebih terbuka apabila bergiat
aktif dalam kokurikulum 1 2 3 4 5 [] 21
3. Sekiranya tidak bergiat dalam kokurikulum
saya akan terasa bosan 1 2 3 4 5 [] 22
4. Saya berasa bangga apabila dipilih menjadi
salah seorang ahli jawatankuasa dalam kegiatan
kokurikulum 1 2 3 4 5 [] 23

- | | | | | | | | | |
|-----|---|---|---|---|---|---|-----|----|
| 5. | Saya sentiasa berfikir dengan teliti sebelum memilih sebarang jenis kegiatan kokurikulum yang diminati | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 24 |
| 6. | Saya berminat menceburkan diri dalam empat atau lebih kegiatan kokurikulum yang ada | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 25 |
| 7. | Saya hanya menjadi ahli dalam persatuan-persatuan yang diminati | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 26 |
| 8. | Saya bergiat dalam kokurikulum sekolah kerana terpaksa mengikut arahan guru. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 27 |
| 9. | Kegiatan kokurikulum tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada saya | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 28 |
| 10. | Kegiatan kokurikulum hanya membuang masa saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 29 |
| 11. | Masa yang digunakan untuk kegiatan kokurikulum lebih baik digunakan untuk belajar. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 30 |
| 12. | Membantu ibubapa bekerja lebih baik daripada menyertai kegiatan kokurikulum | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 31 |
| 13. | Kegiatan kokurikulum kerap kali mengeluarkan belanja yang banyak. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 32 |
| 14. | Bergiat aktif dalam kokurikulum sering melalaikan kerja-kerja sekolah yang diberi oleh guru. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 33 |
| 15. | Lebih baik menjadi ahli dalam kokurikulum yang dianggap perlu sahaja. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 34 |
| 16. | Pelajar-pelajar yang bergiat aktif dalam kegiatan kokurikulum merupakan pelajar yang suka menonjolkan diri di khalayak ramai. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 35 |
| 17. | Saya rasa wang yang digunakan untuk kegiatan kokurikulum itu adalah lebih baik digunakan untuk membeli buku-buku pelajaran. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 36 |
| 18. | Sekiranya tidak dipaksa, saya tidak akan hadir dalam aktiviti kokurikulum. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | [] | 37 |

Ruangan ini
tidak perlu
diisikan.

19. Saya rela dikenakan dendaan daripada meng-
hadiri kegiatan kokurikulum. 1 2 3 4 5 [] 38
20. Tujuan saya ke sekolah ialah untuk lulus
dalam peperiksaan bukan menceburkan diri
dalam kegiatan kokurikulum. 1 2 3 4 5 [] 39

BAHAGIAN C DAN D; DI BAHAGIAN INI TIAP-TIAP SOALAN
(PERNYATAAN) DIKUTI OLEH LIMA (5) PILIHAN JAWAPAN.
ANDA HANYA DIKEHENDAKI MEMILIH SATU SAHAJA JAWAPAN YANG
DIRASAKAN BERSESUAIAN DENGAN DIRI ANDA DAN BULATKAN JAWAPAN
ANDA ITU, SAMADA a, b, c, d ATAU e. KEJUJURAN DAN KEIKHLASAN
ANDA DALAM MEMBERIKAN JAWAPAN SANGATLAH BERMAKNA DAN
DISANJUNG TINGGI.

Bahagian C :

- [] 40
1. Jumlah masa seminggu saya melibatkan diri dalam kegiatan
sukan/olahraga ialah:
a. lebih dari 6 jam
b. antara 4 - 5 jam
c. antara 3 - 4 jam
d. antara 2 - 3 jam
e. kurang dari 2 jam [] 41
2. Jumlah masa seminggu saya melibatkan diri dalam kegiatan
persatuan/kelab ialah:
a. lebih dari 5 jam
b. antara 3 - 4 jam
c. antara 2 - 3 jam
d. antara 1 - 2 jam
e. kurang dari 1 jam [] 42
3. Jumlah permainan yang saya terlibat secara langsung dalam
tahun ini:
a. 4 jenis dan lebih
b. 3 jenis
c. 2 jenis
d. 1 jenis
e. tiada [] 43
4. Jumlah persatuan yang saya anggotai sepanjang tahun ini
a. 4 dan lebih
b. 3
c. 2
d. 1
e. tiada [] 44

5. Dalam perlantikan memegang jawatan penting dalam persatuan-persatuan yang saya ceburi semenjak dari sekolah rendah hingga sekarang, saya pernah memegang...
- a. Lebih daripada 4 jawatan
 - b. 3 jawatan
 - c. 2 jawatan
 - d. 1 jawatan
 - e. tiada
- [] 45
6. Saya memilih jenis permainan berdasarkan perkara berikut:
- a. mengikut minat dan kebolehan sendiri.
 - b. mengikut status permainan
 - c. hanya ikut-ikut kawan
 - d. kurang pasti
 - e. dipaksa.
- [] 46
7. Saya memilih acara-acara olahraga adala berdasarkan perkara-perkara berikut:
- a. ikut minat dan kebolehan sendiri
 - b. ikut status acara.
 - c. hanya ikut-ikut kawan
 - d. kurang pasti
 - e. dipaksa
- [] 47
8. Saya memilih jenis persatuan untuk diceburi berdasarkan:
- a. kemahuan sendiri berasaskan minat.
 - b. populariti persatuan tersebut
 - c. ikut-ikut kawan
 - d. kurang pasti
 - e. dipaksa
- [] 48
9. Matlamat saya melibatkan diri dalam kegiatan persatuan:
- a. untuk mendapat pengetahuan dan pengalaman berguna
 - b. untuk mendapat sedikit sahaja pengalaman
 - c. sekadar suka-suka
 - d. tidak ada sebarang matlamat
 - e. untuk memenuhi syarat sekolah
- [] 49
10. Matlamat saya menceburkan diri dalam sukan ialah:
- a. mendapatkan pengetahuan dan pengalaman
 - b. hanya untuk mengambil bahagian sahaja
 - c. memenuhi masa lapang sahaja
 - d. tidak mengharapkan apa-apa
 - e. mengikut desakan kawan
- [] 50
11. Setelah melibatkan diri dalam kegiatan sukan, saya telah:
- a. mendapat banyak pengalaman dan pengetahuan
 - b. mendapat sedikit sahaja pengalaman
 - c. mendapat sedikit kepuasan
 - d. tidak mendapat apa-apa
 - e. membuang masa sahaja
- [] 51

12. Dengan melibatkan diri dalam persatuan, secara jangka panjang saya berharap untuk
- a. memperolehi pengalaman dan pengetahuan untuk membimbing masyarakat [] 52
 - b. memperolehi pengalaman untuk membimbing keluarga
 - c. memperolehi pengalaman untuk membimbing diri sendiri
 - d. dicatatkan dalam sijil sahaja
 - e. tidak mengharapkan apa-apa
13. Segala pengetahuan dan pengalaman yang saya perolehi daripada aktiviti persatuan dari segi kesesuaian untuk digunakan pada masa hadapan
- a. amat berguna [] 53
 - b. berguna
 - c. sedikit sahaja gunanya
 - d. kurang pasti
 - e. tidak berguna langsung
14. Di dalam aktiviti persatuan, saya.....
- a. sangat aktif d. tidak aktif [] 54
 - b. aktif e. tidak aktif langsung
 - c. sederhana aktif
15. Dari segi bakat dan kebolehan dalam bidang sukan dan olahraga, saya rasa.....
- a. kebolehan dan bakat semakin bertambah [] 55
 - b. berjaya mengekalkan kebolehan dan bakat
 - c. sederhana sahaja
 - d. masih tidak ada kedua-dua (bakat dan kebolehan)
 - e. merosakkan bakat dan kebolehan saya yang sedia ada
16. Apabila pihak sekolah memerlukan tenaga saya bagi sesuatu tugas penting, saya.....
- a. berkesanggupan yang tidak berbelah bahagi [] 56
 - b. cuba membantu sekadar mampu
 - c. membantu separuh hati
 - d. cuba mengelak
 - e. menolak dengan pelbagai alasan
17. Saya rasa bakat semulajadi yang saya tonjolkan dalam aktiviti persatuan adalah:
- a. sepenuh hati [] 57
 - b. separuh hati
 - c. hanya sedikit sahaja
 - d. sekadar untuk memenuhi syarat
 - e. tiada langsung
18. Kekerapan saya menjalankan tugas untuk persatuan dalam seminggu adalah: a. selalu c. kadang-kadang [] 58
- b. jarang d. mengikut panggilan sahaja
 - e. tidak langsung

19. Dalam menyertai atau mengambil bahagian dalam sukan, saya rasa
- a. mutu permainan saya meningkat
 - b. mutu permainan saya sekadar berjaya dikekalkan
 - c. sesuai untuk kepentingan kesihatan sahaja
 - d. masa lapang tidak terabai sia-sia
 - e. membuang masa dan tenaga sahaja
- [] 59
20. Harapan masa depan (wawasan) saya apabila menyertai di dalam permainan dan olahraga ialah:
- a. untuk jangka panjang sehingga selesai persekolahan
 - b. hanya untuk bergiat di sekolah sahaja
 - c. meramaikan suasana bersama rakan-rakan
 - d. penuhi syarat pensijilan persekolahan
 - e. tiada apa-apa yang diharapkan untuk dicapai
- [] 60
- Bahagian D :
- [] 61
21. Sekiranya saya diminta untuk memberikan ucapan di khalayak ramai, saya
- a. yakin dan berani
 - b. kurang yakin tapi berani
 - c. menggelabah dan risau
 - d. menolak dengan memberi berbagai alasan
 - e. lari dari majlis tersebut
- [] 62
22. Di dalam sesuatu tajuk yang sedang rancak diperbahaskan reaksi saya ialah:
- a. akan melibatkan diri secara paling aktif
 - b. melibatkan diri secara aktif
 - c. mengambil bahagian sekadarnya
 - d. akan turut serta apabila dipaksa
 - e. akan mendiamkan diri walaupun ada isi
- [] 63
23. Untuk membentuk personaliti sebagai pemimpin saya....
- a. mencontohi para pemimpin yang berjaya
 - b. mencontohi para guru
 - c. mencontohi rakan-rakan pemimpin yang lain
 - d. dasarkan kepada bakat semulajadi saya
 - e. tidak pernah fikirkan
- [] 64
24. Apabila saya berjaya dengan cemerlangnya dalam menjalankan aktiviti yang saya sertai, rakan rakan saya biasanya akan
- a. turut gembira dan mengucapkan tahniah
 - b. memberikan sambutan yang sederhana sahaja
 - c. bersikap biasa sahaja
 - d. tidak menghiraukan langsung
 - e. mengejek untuk memastikan semulajadi saya
- [] 65

25. Reaksi guru apabila saya mencapai kejayaan yang cemerlang dalam kegiatan sekolah, guru saya biasanya akan ..
- a. memberikan tahniah dan galakan yang membina
 - b. menegur kekurangan yang masih ada
 - c. sambutan yang sederhana sahaja
 - d. tidak memperdulikan langsung
 - e. mengagung-agungkan kejayaan orang lain yang kononnya lebih baik daripada saya
- [] 66
26. Apabila saya berjaya mendapat kejayaan yang cemerlang dalam kegiatan yang saya libati, saya rasa
- a. gembira dan ingin meningkatkan kejayaan
 - b. gembira dan cuba kekalkan apa yang dicapai
 - c. rasa kegembiraan yang sederhana sahaja
 - d. rasa biasa sahaja
 - e. tiada apa-apa perasaan
- [] 67
27. Apabila saya banyak melibatkan diri dalam kegiatan persatuan, saya rasa
- a. amat menguntungkan dengan kebaikan yang amat banyak
 - b. mendapat kebaikan
 - c. kebaikan yang dirasakan sederhana sahaja
 - d. seperti biasa sahaja
 - e. tidak mendapat apa-apa dan membuang masa sahaja
- [] 68
28. Apabila tidak berjaya menjalankan tugas yang diberikan kepada saya, saya
- a. amat sedih dan kecewa
 - b. kurang senang
 - c. seperti biasa sahaja
 - d. tidak risaukan langsung
 - e. gembira kerana pasti tidak akan dibebani lagi
- [] 69
29. Andaikan anda sebagai pengerusi persatuan, apabila terdapat ahli yang tidak memberikan tumpuan dalam sesuatu aktiviti kumpulan, tindakan anda ialah:
- a. menegur dan memberikan ingatan
 - b. menunjukkan rasa kurang senang
 - c. memandangnya dengan pandangan yang tajam untuk menunjukkan kita menyedari akan kesalahannya itu
 - d. tidak menghiraukannya
 - e. terpaksa menunjukan muka yang manis kerana takut dibenci.
- [] 70
30. Andaikan anda sebagai ketua dalam satu perkumpulan, apabila terdapat ahli yang tidak menepati masa untuk sesuatu aktiviti yang dijalankan, tindakan anda ialah:
- a. menegurnya kerana saya mementingkan masa
 - b. masih boleh bertolak ansur
 - c. marahkan kawan kerana kelalaiannya itu
 - d. membuat laporan kepada guru penasihat untuk tindakan tegas terhadap kawan itu
 - e. tidak mengambil kisah kerana itu perangai manusia
- [] 71

Ruangan ini
tidak perlu
diisikan.

31. Dari segi kepuasan dalam memberikan sumbangan selama ini kepada persatuan yang saya ceburi, saya rasa, saya...
- a. mendapat kepuasan yang amat tinggi berbanding dengan apa yang diharapkan] 72
 - b. mendapat kepuasan yang setimpal dengan yang diharapkan
 - c. mendapat kepuasan separuh sahaja dari yang dijangkakan
 - d. mendapat kepuasan yang terlalu sedikit
 - e. tidak mendapat apa-apa kepuasan langsung
32. Saya menjalankan tugas dalam persatuan dengan
- a. penuh rela hati dan rasa tanggungjawab
 - b. rasa tanggungjawab
 - c. hanya separuh hati sahaja kerana sebab tertentu] 73
 - d. merasakan tugas itu terpaksa dijalankan
 - e. penuh dendam untuk mengajar pihak-pihak tertentu yang membebankan saya
33. Setelah selesai menjalankan tugas persatuan, perasaan saya ...
- a. amat puas hati
 - b. senang hati kerana kerja telah selesai] 74
 - c. jarang mendapat kepuasan kerana tugas tersebut dijalankan tanpa keikhlasan
 - d. rasa terlepas dari bebanan
 - e. memberi amaran supaya tidak dibebani lagi pada waktu-waktu lain
34. Apabila diberi tugas penting dalam persatuan, tindakan saya ialah:
- a. bertindak dengan penuh relahati
 - b. bertindak kerana rasa tanggungjawab] 75
 - c. bertanggung dan berfikir dahulu mengenai faedahnya
 - d. tidak mengambil kisah
 - e. mula mencari pelbagai helah untuk tidak dilibatkan
35. Seorang ahli dalam persatuan anda memberitahu bahawa pembantu kanan anda selalu mencari jalan supaya anda tidak dipercayai oleh ahli-ahli persatuan anda dan juga guru penasihat persatuan anda. Tindakan yang akan anda ambil ialah:
- a. periksa kenyataan tersebut untuk mengetahui samada ia benar dan sejauh mana kebenarannya
 - b. berbicara dengannya untuk mengetahui mengapa beliau berkata sedemikian rupa] 76
 - c. mengatakan kepada orang yang memberitahu itu supaya menjaga tepi kainnya sendiri
 - d. menunjukkan reaksi kepada orang kanan saya itu yang saya mulai mencurigainya
 - e. berusaha memecat pembantu kanan tersebut

Mashitah bt. Ghazali,
Sekolah Siswazah,
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok.

Tuan Pengetua,
Kolej Sultan Abdul Hamid,
Jalan Langgar,
05460 Alor Setar,
Kedah Darulaman.

15 Jun 1995

Tuan,

Kajian Mengenai Wujudnya Perhubungan Di antara Tahap
Penglibatan Pelajar-Pelajar Menengah Atas Dalam Kegiatan
Kokurikulum dengan Tahap Daya Kepimpinan.

Berhubung dengan perkara di atas, sekolah tuan dipilih untuk tujuan tersebut.


2. Oleh sebab itu besarlah harapan saya agar pihak tuan dapat memberikan kebenaran saya untuk mendapatkan responden di kalangan pelajar-pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 6 rendah seramai 200 orang.

3. Untuk makluman tuan saya akan cuba sedaya upaya untuk tidak mengganggu perjalanan pembelajaran pelajar-pelajar dan akan berjumpa dengan mereka pada waktu yang paling sesuai.


4. Saya akan memulakan kajian di sekolah tuan pada 15 Julai.

5. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan dalam menjayakan kajian ini saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang Benar,



(MASHITAH GHAZALI)



KOLEJ SULTAN ABDUL HAMID

05460 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN.

TEL: 732300

Rujukan Tuan:

Rujukan Kami:

Tarikh: 20 Jun, 1995

Puan Mashitah bt Ghazali,
Sekolah Siswazah,
Universiti Utara Malaysia,
06010 SINTOK.

Puan,

Kajian Mengenai Wujudnya Perhubungan Di antara
Tahap Penglibatan Pelajar-Pelajar Menengah Atas
Dalam Kegiatan KeKurikulum dengan Tahap Daya Kepimpinan

Merujuk kepada perkara di atas pihak Kolej Sultan Abdul Hamid
mengalu-alukan pihak puan untuk membuat kajian tersebut.

2. Puan bolehlah menghubungi guru-guru yang berkenaan
untuk memudahkan kajian tersebut dijalankan.

Sekian. Terima kasih.

Yang Memurut Perintah,



.....
SYED ABDUL WAHAB BIN SYED ZAKARIA
Pegawai Kanan
Kolej Sultan Abdul Hamid
Alor Setar

s.k.:

1. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah,
Alor Setar.
2. Pegawai Pendidikan Daerah Kota Setar.



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN
PENYELIDIKAN PENDIDIKAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
PARAS 2, 3 DAN 5, BLOK J,
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50604 KUALA LUMPUR

Telefon: 2889066
Kawar: "Pendidikan"
Faks: 03-2581440

Ruj. Tuan: KE (BPPP) 13/15
Ruj. Kami: Jld. 43 (330)
Tarikh: 23 Ogos 1995

Cik Mashitah bt. Ghazali,
2242, Taman Mutiara,
Jalan Sultanah,
05350 Alor Setar,
Kedah.

Puan,

**Kebenaran Bagi Menjalankan Kajian Ke Sekolah-Sekolah,
Jabatan-Jabatan Dan Institusi-Institusi Di Bawah
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Adalah saya diarah untuk memahitumkan bahawa permohonan puan untuk menjalankan kajian mengenai

"Kajian Mengenai Hubungan Di Antara Tahap Penglibatan Pelajar-Pelajar Menengah Atas KSAH Dalam Kegiatan Kokurikulum Dengan Tahap Daya Kepimpinan".

telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada hanya apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri yang berkenaan.

3. Puan juga dikehendaki menghantar senaskhah hasil kajian puan ke Bahagian ini sebaik sahaja selesai kelak.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. ABD. KARIM B. MD. NOR)
b.p. Pengarah Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan
b.p. Pendaftar Besar Sekolah-Sekolah dan Guru-Guru,
Kementerian Pendidikan.